

"KITA menyedari, persepsi terhadap guru pada masa ini, tidak terkecuali guru agama, bukan lagi setakat memfokus kepada guru yang baik semata-mata, tetapi juga mengkehendaki supaya guru itu mampu untuk menyampaikan pengajaran dengan berkesan, dalam makna dari guru 'good teaching' kepada guru 'effective teaching'.

Matlamat utama kita ialah melahirkan guru-guru agama profesional yang berupaya melahirkan sahsiah-sahsiah yang hebat."

- Titah Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Kali Keempat Tahun 2014.



# Pelita BRUNEI

قَلْبِي فِي مَنَا

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"APABILA diminta kepada kamu, 'Berdirilah', maka bangunlah, nescaya Allah meninggikan darjat orang yang beriman di kalangan kami dan orang yang diberi ilmu pengetahuan (di kalangan kamu) beberapa darjat. (Ingatlah) Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala Surah Al-Mujaadilah ayat 11).



## Pecah amanah perlu segera ditangani

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 November. - Perkembangan semasa menunjukkan, bahawa bilangan kes pecah amanah dalam pengurusan kewangan adalah membimbangkan, walaupun cuma melibatkan jumlah kewangan yang kecil.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah ini termasuklah perbuatan memberi dan menerima rasuah yang mana perilaku atau amalan yang tidak berintegriti ini boleh saja menular dan melemahkan perkhidmatan awam jika tidak ditangani dengan tegas dan cepat.

"Menyebut mengenai tindakan tegas dan cepat, beta adalah sangat mengambil berat mengenai apa jua kelambatan dalam proses kerajaan, antaranya, proses pengambilan dan pengisian kekosongan jawatan," tegas baginda pada Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam Kali Ke-21 di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, di sini.

Untuk membantu mengurangkan masalah ini, baginda telahpun memperkenalkan kaedah *on-line recruitment* yang perlaksanaanya akan bermula pada tahun hadapan.

Di bawah kaedah ini titah baginda, orang ramai yang mencari pekerjaan akan boleh membuat urusan-urusan secara *on-line*, antaranya membuat permohonan, memasukkan data secara automatik, menerima perakuan, makluman mengenai ujian, temu duga dan keputusan permohonan dalam masa yang singkat.

Ke muka 24



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Emas ACPA 2014 bagi Kategori Kertas Projek bertajuk 'Survey Spatial Data Infrastructure' kepada Kumpulan Geoportal Ukur dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan. - Foto Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 12 dan 13).

## Tangkas hadapi sebarang perubahan



Muka 3

DIMENSI tingkatkan hubungan Brunei - Oman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan urustadbir perlu dinamik untuk membawa warga Perkhidmatan Awam kepada perubahan-perubahan yang baik kerana jika tidak, ia adalah lemah dan tidak mampu untuk menyampaikan kepada sasaran yang dikehendaki.

"Kita perlu tangkas mengenali dan menghadapi sebarang perubahan. Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan penurunan kedudukan negara dalam indeks 'Ease of doing Business' yang diperakukan oleh Bank Dunia mengikut kriteria penilaian baru. Kedudukan negara kita didapati jatuh dari tangga 98 tahun

2013 kepada 101 pada tahun ini. Kejutan ini, tidak syak lagi, memerlukan muhasabah untuk kita mengetahui kedudukan program pembaikan yang ada, tahap komitmen dan juga *delivery* perlaksanaanya. Kita juga perlu tahu akan sebab musababnya, di samping usaha untuk mengatasi kemerosotan ini," tegas baginda semasa bertitah pada Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam Kali Ke-21.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mengambil maklum mengenai banyak usaha telah dibuat untuk meningkatkan kualiti kepimpinan dan pengurusan kerana ia adalah penentu bagi pencapaian dalam Perkhidmatan Awam.

Kecekapan pemimpin dan pengurusan, terutama kecekapan menangani situasi di luar dugaan, tegas baginda adalah antara perkara yang sangat perlu diberikan fokus yang cukup.

Di bidang tata-cara, peraturan dan undang-undang pula, Kebawah DYMM ingin melihat supaya perlaksanaanya lebih efisien dan berkesan kerana, perkara berkaitan dengan disiplin, pada misalnya, adalah perkara pokok untuk perkhidmatan yang berintegriti.

Terdahulu, baginda juga bertitah bahawa perkhidmatan awam terus berhadapan dengan pelbagai cabaran di tengah-tengah arus kemajuan sosio-ekonomi serta permintaan orang ramai yang terus meningkat.

Semua ini titah baginda, memerlukan perkhidmatan awam untuk lebih bersedia dan lebih pantas ke hadapan dari permintaan.

Menyentuh mengenai Tema Hari Perkhidmatan Awam kali iaitu 'Urus Tadbir Dinamik Kearah Kesejahteraan Negara', baginda bertitah, tema ini membawa mesej bahawa urus tadbir atau *governance* itu adalah nadi kerjaan.

# Manfaatkan KKC, satu kaedah pengurusan pembaikan perkhidmatan

Bismillahir Rahmannir Rahim  
Assalamu'alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh

**A**LHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia rahmat serta inayahNya jua, kita semua dapat hadir beramai-ramai di Majlis Penganugerahan Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Peringkat Kebangsaan, Kali Ke-17 pada pagi yang berbahagia ini.

Saya terlebih dahulu ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi Majlis dan Jawatankuasa Kerja di atas undangan kepada saya untuk hadir di majlis yang signifikan dalam usaha untuk mempertingkatkan kualiti Perkhidmatan Awam.

Hari ini, kita dapat bersama-sama dengan 11 kumpulan pengamal-pengamal kaedah KKC yang mempunyai sasaran untuk cemerlang dalam perkhidmatan, antara lain melalui amalan kaedah ini yang terbukti dapat mengasuh minda untuk lebih beristem, menghargai data-data *empirical*, kreatif, inovatif dan pada waktunya dalam menyelesaikan isu-isu perkhidmatan.

Sungguhpun dengan kebaikan yang boleh diperolehi dari mengamalkan kaedah ini, penyertaan KKC di peringkat jabatan dan kementerian dan seterusnya di peringkat kebangsaan, adalah sudah beberapa kali menurun.

Ini tidak bererti kualiti penyertaan juga menurun. Pengalaman dan kualiti pengamal-pengamal yang telah lama menggunakan kaedah ini tentunya bertambah. Ini seharusnya memberikan *input* yang mempunyai impak positif ke atas penyertaan pengamal-pengamal baru.

Walau bagaimanapun, isu-isu berkaitan dengan bilangan penyertaan yang berkurangan ini perlu diketahui secara lebih terperinci dan *definitive* untuk menanganinya.

Sebenarnya beberapa isu telah dikenal pasti melalui kajian yang dibuat oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA), sebelum ini. Secara ringkas, dapatan menunjukkan beberapa masalah yang berkaitan dengan logistik latihan, masa yang terlalu panjang diperlukan untuk projek dan yang paling membimbangkan ialah kadar penglibatan pegawai atasan yang rendah.

Sebahagian besar permasalahan ini telah pun dapat diatasi, tetapi masih didapati keterlibatan pegawai peringkat penyeliaan dan pengurusan adalah rendah atau langsung tidak ada dalam memberikan galakan dan panduan.

Justeru ini, tidak hairanlah ada jabatan-jabatan atau kementerian yang kurang atau tidak mempunyai rekod penglibatan.

KKC yang kita jalankan pada masa ini melibatkan majoritinya tenaga kerja Bahagian III ke bawah. Selain dari KKC untuk membantu memecahkan isu-isu perkhidmatan, ia



**TIMBALAN** Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned semasa berucap pada Majlis Penganugerahan Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-7, Tahun 2014, pada 17 Muharram 1436 Hijrah bersamaan 10 November 2014 Masihi di Royal Berkshire Hall, Royal Polo and Riding Club, Jerudong.

adalah latihan untuk membina kecekapan dalam banyak bidang berkaitan. Kecekapan ini boleh menjadi asas untuk latihan-latihan lain yang boleh membantu kemajuan kemahiran individu.

Dalam konteks ini, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan pegawai dan kakitangan kita mendapat peluang-peluang latihan kecekapan secara beristem. Latihan KKC dan konvensyennya adalah salah satu latihan beristem untuk membina kecekapan. Alangkah malangnya disebabkan tidak terdapat inisiatif dan komitmen pihak pengurusan, maka sebahagian dari pegawai dan kakitangan di bawah tanggungjawab kita tercicir dalam latihan kecekapan mereka.

Oleh itu, saya sangat berharap supaya terdapat komitmen penuh semua pihak untuk memanfaatkan KKC sebagai salah satu kaedah pengurusan pembaikan perkhidmatan.

IPA sedang giat untuk memajukan KKC dalam beberapa sudut supaya ia tidak statik dan membosankan. Dalam latihan, penyampaian prinsip-prinsip KKC diolah supaya bersemangat melalui animasi dan kes-kes kontekstual. Untuk memudahkan pembelajaran yang berkesan dan beristem, IPA telah menyediakan KKC Toolkit yang akan dilancarkan di majlis ini.

IPA juga mengambil berat tentang kaedah untuk meningkatkan pemahaman dan penyampaian ilmu KKC oleh pengamal-pengamal nya. Tidak lama lagi penyampaian *impromptu* yang berasaskan pemahaman mendalam akan diperkenalkan dalam konvensyen dan akan diberikan penghargaan khas.

Supaya lebih menarik minat dan tidak membosankan, penderamaan perisian projek KKC yang dipertandingkan dalam konvensyen akan diperkenalkan tidak lama lagi. Contoh penderamaan ini akan dapat kita tonton bersama di majlis ini nanti.

IPA juga sedang giat bagi penggunaan kaedah KKC diangkat untuk memecahkan isu-isu yang lebih kompleks oleh pegawai-pegawai Bahagian II ke atas di mana bersesuaian.

Inilah antara usaha IPA untuk memajukan KKC bagi penghayatan yang lebih baik. Ini termasuklah memperbaiki nilai penghargaan kepada pemenang-pemenang konvensyen sebagai rangsangan. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan supaya kita tidak terlampaui fanatik terhadap hadiah dan penghargaan sehingga kita hilang haluan sebenar.

Dua tahun yang lalu, saya telah meminta pihak-pihak dalam Perkhidmatan Awam, khususnya IPA, untuk memberikan perhatian kepada pendekatan untuk membarigakan KKC secara *in situ* berbanding dengan perlawanan dalam konvensyen. Apa yang dimaksudkan ialah mengaplikasikan kaedah KKC dalam pekerjaan untuk mencari penyelesaian yang sempurna tanpa dipengaruhi oleh faktor terburu-buru bagi membolehkan penyertaan dalam konvensyen.

Ini akan membantu proses pembedayaan dengan fokus benar-benar kepada keberhasilan aplikasi kaedah KKC secara *in situ*. Dalam proses ini kita boleh memperakukan mana-mana hasil yang sempurna dari segi uji cuba dan berkualiti tinggi untuk dikongsikan dengan pihak lain, antara lain, melalui pembarigakan di majlis-majlis khas sebagai wadah pembedayaan.

Pada kesempatan ini, saya sukacita untuk merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berjaya ke peringkat Konvensyen KKC Peringkat Kebangsaan pada tahun ini.

Secara khusus dan istimewa, ucapan setinggi penghargaan dan syabas, saya rakamkan kepada ke 11 buah kumpulan yang berjaya menyertai Konvensyen KKC Peringkat Kebangsaan pada tahun ini.

Kepada pasukan-pasukan yang berjaya, saya mengucapkan syabas dan yang belum berjaya supaya tidak putus asa untuk terus bergiat.

Saya juga mengucapkan penghargaan dan syabas kepada Pengerusi majlis, ahli-ahli Jawatankuasa Kerja dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

Seterusnya marilah kita berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Konvensyen KKC Kebangsaan Ke-17 pada hari ini memberikan kita wadah kemajuan ke hadapan, antara usaha kita menuju ke arah pembedaan Perkhidmatan Awam.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

29 NOVEMBER 2014 BERSAMAAN 1436 6

## WARGA PERKHIDMATAN AWAM PERLU DINAMIK

**P**ERKHIDMATAN Awam merupakan institusi penting yang berperanan sebagai jentera penggerak bagi setiap program pembangunan, dasar dan peraturan kerajaan bagi meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan negara. Sebuah institusi pentadbiran itu perlulah melangkah ke hadapan agar lebih efektif, inovatif dan dinamik sesuai dengan tema sambutan Hari Perkhidmatan Awam tahun ini iaitu Urustadhir Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara.

Kita sebagai warga perkhidmatan awam hendaklah mempunyai daya saing yang tinggi dengan mengambil segala peluang yang ada dalam mengeluarkan penghasilan yang lebih inovatif dan baik. Setiap pemikiran yang inovatif akan membawa sesebuah organisasi itu lebih ke hadapan, dengan menggunakan sumber-sumber sedia ada dengan optima. Di samping itu, dengan adanya pekerja yang berilmu, kreatif dan inovatif, mereka akan mempunyai kekuatan, ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam merancang sesuatu secara sistematik dan strategik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-21 di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas pada 27 November 2014, bertitah menegaskan bahawa baginda sangat mengambil berat mengenai apa jua kelambatan dalam proses kerajaan, antaranya proses pengambilan dan pengisian kekosongan jawatan agar diambil tindakan tegas dan cepat.

Untuk membantu mengurangkan masalah tersebut, baginda telahpun memperkenankan kaedah 'on-line recruitment' yang pelaksanaannya akan bermula pada tahun hadapan.

Di bawah kaedah ini titah baginda, orang ramai yang mencari pekerjaan akan boleh membuat urusan-urusan secara "on-line", antaranya membuat permohonan, memasukkan data secara automatik, menerima perakuan, makluman mengenai ujian, temu duga dan keputusan permohonan dalam masa yang singkat.

Dalam pengurusan sesebuah negara, warga perkhidmatan awam hendaklah mengamalkan rukun akhlak dan etika kerja, untuk mengawal tingkah laku pegawai dan kakitangan awam supaya mereka dapat menggunakan pengetahuan kepakaran dan kemahiran yang ada untuk kebaikan semua pihak. Warga perkhidmatan awam juga mestilah menjauhkan diri dari perkara-perkara yang boleh menjatuhkan imej perkhidmatan awam seperti pilih kasih, rasuah dan sebagainya. Kebawah DYMM pada majlis tersebut juga mengingatkan bahawa perkembangan semasa menunjukkan bilangan kes pecah amanah dalam pengurusan kewangan adalah membimbangkan, walaupun cuma melibatkan jumlah kewangan yang kecil.

Baginda bertitah ini termasuklah perbuatan memberi dan menerima rasuah yang mana perilaku atau amalan yang tidak berintegriti ini boleh saja menular dan melemahkan perkhidmatan awam jika tidak ditangani dengan tegas dan cepat. Di samping itu, Kebawah DYMM juga mengalu-alukan usaha Jabatan Perkhidmatan Pengurusan yang sedang giat menjalankan pengauditan pengurusan, bukan sahaja bagi mengetahui kekuatan dan kelemahan pengurusan dalam perkhidmatan awam tetapi juga untuk memberikan taraf bintang kepada pengurusan yang memenuhi kriteria-kriteria pengiktirafan.

Skop pengauditan ini titah baginda, mencakupi Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR), Manual Pengurusan Kerja (MPK), rancangan strategik, program pembaharuan pembaikan serta pengurusan pelanggan.

Oleh yang demikian, sebagai warga perkhidmatan awam kita hendaklah mempunyai sifat-sifat yang terpuji seperti amanah, jujur, ikhlas, terbuka dan sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan dalam perkhidmatan awam. - **Ketua Penyuntingan (Md).**

Ramadan Cusca Tiga Hari		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN 32°C / 25°C	33°C / 24°C	33°C / 25°C
SIJARA 33°C / 26°C	32°C / 26°C	32°C / 26°C
PEKAN BANGAR 31°C / 24°C	31°C / 24°C	31°C / 24°C
PEKAN TUTONG 32°C / 24°C	32°C / 24°C	32°C / 24°C
PEKAN SERIA 33°C / 24°C	32°C / 24°C	32°C / 25°C
KUALA BELAIT 33°C / 24°C	32°C / 24°C	32°C / 25°C

Wahai kami Bismillah  
Sumber : Perkhidmatan Kaji-cusca Brunei Darussalam  
Jabatan Penerangan Awam  
Telefon : 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cusca : 114

## SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

### Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,  
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,  
Norliah Md. Zain,  
Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Haji Aliddin Haji Moktal,  
Ak. Jeffery Pg. Durahman,  
Haniza Abdul Latif,  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,  
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,  
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,  
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,  
Rohani Haji Abdul Hamid,  
Nooratini Haji Abas,  
Khartini Hamir,  
Saerah Haji Abdul Ghani,  
Aimi Sani,  
Noraisah Muhammed,  
Aryentty Haji Arifin  
Mohammad Arif Matali  
Hajah Sujimawati Mejeri

### Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

### Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,  
Ali Termizzi Haji Ramli / Haji Ramli,  
Hajah Zabaidah Haji Salat,  
Mohammad Rainie Haji Durani

### Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,  
Haji Besar Haji Mamit,  
Hajah Norliha Haji Salleh,  
Ramlah Md. Nor,  
Nurul Hazwani Abu Omar,  
Siti Faizahanisah Awang Mahani,  
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

### Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,  
Jurainah Haji Jait,  
Nornasyirah Nordin

### Penyuntingan

Haji Sahari Alkim,  
Samle Haji Jait,  
Siti Muslihat Haji Salleh,  
Bolhassan Haji Abu Bakar,  
Abdullah Asgar,  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

### Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

### Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,  
Haji Ahmad Haji Salim,  
Mohammad Ike Igrami Haji Suhaimi,  
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,  
Mohammad bin Kahar,  
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,  
Hajah Raini Haji Bidin,  
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS  
991

POLIS  
993

BOMBA  
995

PENYELAMAT  
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
123

NDMC  
2380214

# Pendidikan awal kanak-kanak satu keutamaan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Masri Osman



**YANG** Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong ketika berucap pada Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Antarabangsa Pemedulia Pendidikan Awal Kanak-kanak di Royal Berkshire Hall, Jerudong Park and Country Club.

**JERUDONG,** Khamis, 27 November.- Pendidikan awal kanak-kanak merupakan satu keutamaan dan pelaburan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai usaha mencapai kecemerlangan bagi mewujudkan sebuah negara berpendidikan dan berkemahiran tinggi menjelang tahun 2035.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkata, perkara itu merupakan salah satu daripada lapan strategi pendidikan di bawah Wawasan Brunei 2035 dan ia telah diiktiraf di peringkat

antarabangsa dalam kerja-kerja saintis Universiti Harvard bahawa masyarakat yang produktif adalah penting bagi masa depan yang sejahtera yang dibina atas asas perkembangan kanak-kanak yang sihat.

Berucap pada Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Antarabangsa Pemedulia Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang diadakan di Royal Berkshire Hall, Jerudong Park and Country Club, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, komitmen antarabangsa dalam memperluaskan penyediaan pemedulia awal kanak-kanak dan perkhidmatan pendidikan untuk semua kanak-kanak di seluruh dunia digambarkan pada sasaran global yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Milenium semasa dan pendidikan untuk semua.

Yang Berhormat berkata, terdapat perjanjian antarabangsa yang meluas bahawa melabur dalam perkhidmatan berkualiti tinggi untuk kanak-kanak dan keluarga mereka mencerminkan komitmen untuk mengukuhkan generasi akan datang dan memupuk pemimpin masa depan.

Jelas Yang Berhormat, matlamat untuk penyediaan pendidikan awal kanak-kanak dan pemedulia yang berkualiti itu telah dikenal pasti sebagai dasar utama oleh kerajaan kita dan masyarakat di seluruh dunia.

Oleh itu tegasnya, pilihan tema bagi persidangan itu 'Langkah Pertama Untuk Memupuk Pemimpin Masa Depan' adalah sangat relevan dan tepat pada masanya.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat melahirkan perasaan gembira bahawa Negara Brunei Darussalam telah membuat beberapa pencapaian dalam bidang pemedulia awal kanak-kanak dan pendidikan.

"Banyak kejayaan yang dicapai

dan ini telah memenuhi standard antarabangsa serta amalan terbaik global. Saya difahamkan bahawa pada tahun-tahun kebelakangan ini, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang direka bentuk untuk meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah di negara kita. Ini termasuklah mengenalkan Senarai Petunjuk Kualiti Prasekolah, Program Peralihan Rumah Ke Sekolah, Program Membina Keupayaan dan Program Sukarelawan Pembantu Pengajar," ujar Yang Berhormat.

Tambahnya, satu program melibatkan ibu bapa dan guru juga telah diperkenalkan, di mana ibu bapa dijemput pada akhir setiap penggal persekolahan untuk melawat bilik darjah anak-anak mereka yang mempamerkan kerja mereka bagi membolehkan guru-guru untuk berbincang dan berkongsi kemajuan pembelajaran kanak-kanak dengan ibu bapa.

Menyentuh program terkini, S.A.F.E, Yang Berhormat menjelaskan bahawa program tersebut mempunyai kuasa untuk ibu bapa bagi meningkatkan kemahiran mereka melalui tangan ke bengkel untuk menggalakkan anak-anak mereka untuk menyukai membaca.

Program ini dibuat bagi memastikan kemahiran keibubapaan untuk dimajukan dalam kalangan ibu bapa muda untuk menguruskan anak-anak mereka dengan berkesan.

Tambahnya, pada peringkat dasar ia memberi inspirasi untuk diambil perhatian bahawa Kementerian Pendidikan sedang dalam proses membangunkan Rangka Kerja Kualiti Kebangsaan untuk pemedulia awal kanak-kanak dan pendidikan.

Beliau percaya rangka kerja kawal selia ini bukan sahaja menyokong komitmen Kementerian Pendidikan untuk mencapai kedua-dua standard kualiti antarabangsa untuk penyediaan pendidikan awal kanak-kanak dan penjagaan tersebut tetapi pada masa

yang sama memastikan bahawa dasar-dasar mereka, amalan, keutamaan dan sokongan komitmen bagi pemeliharaan kepada nilai-nilai tradisi dan kebruneian akan mengukuhkan lagi identiti kebangsaan generasi masa depan.

"Saya faham bahawa pada masa ini satu pasukan besar pemimpin sekolah rendah, guru prasekolah, pengamal kesihatan, pemaju kurikulum, pegawai-pegawai agama, pakar-pakar keperluan khas dan pakar dalam pendidikan inklusif bekerja bersama-sama dalam membangunkan rangka kerja ini," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat pada majlis tersebut juga menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam terus komited untuk meningkatkan pendidikan awal kanak-kanak dan pemedulia dalam negara dan kerana itu kementerianya mempunyai sebab untuk berasa bangga dengan pencapaian mereka setakat ini dan teruja dengan kemajuan ke arah rancangan masa depan.

Menteri Pendidikan melahirkan penghargaan atas kerjasama yang berterusan antara sektor kesihatan, pembangunan masyarakat dan sektor pendidikan serta mengharapkan kerjasama antara agensi yang lebih besar, di samping menekankan bagi

membina lebih kuat kapasiti sumber yang lebih berkesan di semua peringkat dengan melatih semua pembekal perkhidmatan untuk menjadi pembekal berkesan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti dan pemedulia.

Persidangan selama empat hari itu bermula hari ini hingga 30 November ini adalah sempena meraikan 100 Tahun Pendidikan Formal di negara ini dan dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam.

Lebih 100 peserta dari dalam dan luar negara menyertai persidangan tersebut bagi mendengarkan serta mempelajari amalan-amalan terbaik dan terkini dalam pendidikan penjagaan awal kanak-kanak dari pakar-pakar luar negara seperti Hong Kong, Australia, United Kingdom, Thailand dan Paris.

Persidangan ini merupakan satu platform bagi para pendidik, penyelidik, guru-guru dan ahli profesional yang lain untuk membincangkan serta mengongkakan isu-isu dan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam mencapai matlamat-matlamat penting dan matlamat masa depan dalam pemedulia pendidikan awal kanak-kanak.



SEBAHAGIAN daripada peserta yang menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Antarabangsa Pemedulia Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

# Dimensi tingkatan hubungan Brunei - Oman

Oleh : Hajah Sujimawati Mejeri  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**JERUDONG,** Khamis, 27 November. - Kerjasama dalam bidang tenaga, minyak dan gas merupakan salah satu dimensi bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman sejak dahulu lagi.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al-Maskari berkata, ini terbukti dari Petroleum Development Oman Company dan Brunei Shell Petroleum (BSP) bersama LNG Oman dengan jayanya telah mengadakan pertukaran *cross posting* bagi pekerja teknikal kanan selama tiga hingga keempat tahun sejak tiga dekad yang mana sehingga kini seramai 22 jurutera dari Kesultanan Oman bekerja dengan pihak BSP.

Pada bulan Mac lalu, Kesultanan Oman juga telah melibatkan diri dalam Minggu Tenaga, yang mana Pengurus Perolehan di Petroleum Development Oman Company telah ikut serta di dalam forum pembangunan perniagaan tempatan tersebut.

Hubungan diplomatik kedua-dua buah negara ditubuhkan pada 24 Mac 1984 dan terus dikembangkan meliputi pelbagai bidang iaitu perdagangan dan pelaburan, minyak dan gas, pendidikan, perkhidmatan udara, hal ehwal keagamaan, pertanian dan perikanan serta kebudayaan dan maklumat.

TYT Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al-Maskari menjelaskan demikian pada sambutan meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kesultanan Oman Ke-44 dengan Majlis Resepsi Makan Malam di Hotel Empire



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al-Maskari semasa upacara memotong kek ulang tahun Hari Kebangsaan Kesultanan Oman.

and Country Club.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Datin.

Majlis bermula dengan nyanyian lagu kebangsaan daripada kedua-dua buah negara diikuti dengan bacaan Al-Qur'an.

Dalam ucapan, beliau berasa amat gembira atas hubungan komitmen yang kuat lagi berpanjangan di antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman.

TYT seterusnya berkata, pada tahun ini Negara Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman meraikan 30 tahun sejak penubuhan hubungan diplomatik kedua-dua buah negara.

Subhubungan itu, TYT juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan di atas bantuan dan sokongan yang sentiasa diberikan serta memainkan peranan yang penting dalam mengukuhkan lagi hubungan dua hala

sepanjang tahun ini.

Menurutnya lagi, pada Januari tahun ini, Mesyuarat Perundingan Dua Hala Ke-14 telah diadakan di Muscat, yang mana kedua-dua pihak berasa puas hati dengan kemajuan yang dicapai dan bersejua untuk sentiasa mengukuhkan hubungan rapat yang merupakan kesempatan beliau untuk berjumpa bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Menteri Tenaga buat julung kalinya.

Pada tahun ini juga, beliau berkesempatan untuk menyaksikan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Ke-2 Brunei - Oman yang berfokuskan kepada kerjasama dalam bidang ekonomi dan perdagangan. Di samping itu, ia membuka banyak peluang-peluang pelaburan yang boleh memberi manfaat bagi kedua-dua belah pihak. Mesyuarat tersebut diadakan di ibu negeri Muscat pada September 2014 yang lalu.

Sementara pada bulan Februari tahun ini, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM telah mengadakan lawatan ke negara Oman.

Beliau juga menambah, kedutaan Oman turut ikut serta dalam Festival Arabic yang dianjurkan oleh Universiti Brunei Darussalam pada April lalu. Melalui acara ini, ia telah dapat memperkenalkan tradisi asli, seni dan warisan Oman kepada para pelajar universiti dengan orang ramai.

Acara kemuncak majlis ialah Upacara Memotong Kek Ulang Tahun Hari Kebangsaan Kesultanan Oman yang disempurnakan bersama-sama oleh Yang Berhormat diikuti dengan penyampaian cendera hati kenangan kepada tetamu kehormat dan Datin.

Majlis berakhir dengan resepsi jamuan yang disajikan dengan hidangan makanan tradisi Oman.

# Penyediaan persekitaran pekerjaan kondusif



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri semasa hadir pada Majlis Perasmian Pesta Kerjaya Sektor Minyak dan Gas.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa berucap pada Majlis Perasmian Pesta Kerjaya Sektor Minyak dan Gas.

JERUDONG, Rabu, 26 November. - Syarikat-syarikat tempatan diseru agar berusaha untuk menjadi *role model* dengan mempunyai nilai-nilai teras seperti kesetiaan, kejujuran, integriti,

fokus dan kerja keras untuk membina kepercayaan pihak pengurusan dan juga menyumbang secara tidak langsung kepada pekerja tempatan lain.

Adalah mustahak bagi syarikat-syarikat untuk menyediakan para pekerja dengan pekerjaan yang bermanfaat seperti pakej remunerasi yang berpatutan, termasuk penyediaan persekitaran pekerjaan yang kondusif bagi pekerja baharu dalam kumpulan gaji yang rendah.

Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menyatakan perkara tersebut semasa merasmikan Pesta Kerjaya Sektor Minyak dan Gas 2014 di Dewan Pameran BRIDEX, di sini.

"Adalah satu keperluan bagi setiap pekerja diberikan peluang-peluang yang luas bagi peningkatan melalui program-program latihan bersistematik sesuai dengan keperluan pekerjaan dan keperluan kemajuan masa depan mereka," ujar Yang Berhormat.

Para pekerja tambahannya, juga perlu

diberi kesedaran penuh tentang urus tadbir yang bagus dan integriti perniagaan serta diterapkan dengan nilai-nilai murni dan keagamaan agar dapat membawa berkat kepada pekerja dan syarikat.


Terdahulu, Yang Berhormat berkata, syarikat-syarikat di negara ini bertanggungjawab dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada anak tempatan dan menyediakan latihan-latihan yang perlu kepada mereka, di mana pekerjaan tempatan masih lagi diterajui oleh industri.

Namun demikian jelasnya, kita juga tidak seharusnya mengeneppikan sumbangan-sumbangan penting yang dibuat oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam contohnya melalui insentif fiskal dan skim pembangunan sumber manusia seperti 'Skim Latihan Pekerjaan (SLP)' Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) yang memberi subsidi melalui 'tax allowances' dan gaji bagi tempoh sehingga dua tahun.

Yang Berhormat gembira atas kerjasama dengan sektor swasta dalam minyak dan gas dalam menyediakan latihan-latihan Rangka Kerja Kompetensi Industri Tenaga (EICF).

Pada masa yang sama, Yang Berhormat juga menghargai usaha-usaha EICF dan Akademi Maritim Brunei (BMA) termasuk kakitangan Institut Pendidikan Teknik Brunei (IBTE), JPKE termasuk perwakilan industri minyak dan gas dan 'Registered Training Organisations (RTOs) atas dedikasi dan penglibatan dalam menyediakan latihan-latihan yang bersesuaian kepada lepasan sekolah agar mereka beroleh pekerjaan yang bererti nanti.

Menurutnya, pada awal bulan ini, seramai 244 orang di bawah Kelayakan Kemahiran Industri (Industrial Skill Qualification-ISQ) telah diterima bagi kursus-kursus pengimpal, *scaffolders, marker/ fitter* dan *riggers* dan kesemua graduan tersebut kini telah bekerja di sembilan buah syarikat dalam sektor minyak dan buat pertama kalinya juga Negara Brunei Darussalam melahirkan 24 orang pengimpal wanita (female welders) dengan kelulusan 6G/3G.



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), menyaksikan pameran sebuah syarikat yang menyertai Pesta Kerjaya Sektor Minyak dan Gas 2014 di Dewan Pameran BRIDEX.

Ketika ini tambahannya, seramai 741 pelajar sedang menjalani latihan di bawah program-program ISQ EICF dan HNTec, di mana 366 daripadanya telah menerima tawaran kerja secara *conditional offer of employments - COEs*.

Menyentuh mengenai BMA pula, Yang Berhormat menyatakan bahawa sejak pengambilan pertamanya pada bulan April tahun 2014, BMA kini mempunyai seramai 233 pelajar dan 151 daripadanya telah memperolehi COE's, selebihnya akan menerima COE's tertakluk lulus ujian kesihatan dan latihan asas keselamatan.

"Kami juga menyediakan peluang bagi graduan peringkat Diploma Tertinggi Kebangsaan yang belum mempunyai pekerjaan dan pengalaman bekerja dalam industri serta cabaran-cabarnya bagi membolehkan mereka untuk mengukuhkan pekerjaan dalam industri ini," jelas Yang Berhormat.

Dalam hubungan ini, tambah Yang Berhormat, Skim Perantisan Graduan Kebangsaan (NEGAS) telah pun diperkenalkan pada bulan Julai tahun ini dengan seramai 18 graduan pada pengambilan pertamanya dan 33 graduan lagi bagi pengambilan kedua pada hujung tahun ini.

Menurut Yang Berhormat, usaha-usaha bersama ini juga

menerima maklum balas yang positif daripada para majikan mengenai graduan EICF yang mempunyai kualiti kerja dan dedikasi dan pengetahuan teknikal, mampu meningkat melalui latihan lanjut dan pengalaman serta para graduan perlu berusaha meningkatkan kualiti yang ada.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa, pihaknya berjaya mencapai penetapan sasaran pekerjaan iaitu 1000 dalam tahun 2012 dan 1600 pada tahun 2013 dengan mencapai 1302 dan 2610 masing-masing pada tahun berkenaan, walau bagaimanapun, pihak industri masih perlu meningkatkan usaha menambah pengambilan pekerja tempatan.

Bagi tahun 2014 jelasnya, Jabatan Tenaga menasaskan sebanyak 3000 pekerjaan untuk diisikan oleh pencari kerja tempatan dan pencapaian sehingga bulan November ini, sebanyak 2,473 kerja telah pun diisikan.

Sementara itu, untuk tahun 2015 pula tambahannya, Bahagian Tenaga akan mengekalkan sasaran untuk mengambil 3,000 pencari kerja di Sektor Minyak dan Gas.

"Adalah penting bahawa sasaran tersebut menggambarkan pekerjaan yang berkualiti dan menjamin haluan kerja sepanjang hayat bagi para pekerja itu," jelasnya.

## Pesta Kerjaya Sektor Minyak dan Gas tawar 2,000 pekerjaan



ORANG ramai ketika menerima penerangan dari salah sebuah negara yang menyertai Pesta Kerjaya Sektor Minyak dan Gas dianjurkan oleh Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat utama.

JERUDONG, Rabu, 26 November. - Kira-kira 2,000 pekerjaan ditawarkan pada Pesta Kerjaya Sektor Minyak dan Gas yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, syarikat-syarikat utama operasi dan perkhidmatan minyak dan gas serta The Brunei Times.

Pesta Kerjaya yang diadakan di Dewan Pameran 1 dan 2 BRIDEX ini merupakan kali ke-5 dianjurkan sejak ia bermula pada tahun 2011 dan kali ke-2 bagi tahun 2014.

Perasmianya disempurnakan oleh Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin

Haji Umar.

Lebih 100 entiti mengambil bahagian pada pameran tersebut yang menawarkan jawatan kosong di sektor perkhidmatan minyak dan gas seperti Perkhidmatan Logistik, Marin, Kejuruteraan dan Pembinaan, Kejuruteraan Telaga dan Perkhidmatan, Teknologi Maklumat dan Perkhidmatan Umum.

Pesta kerjaya akan berlangsung selama lima hari bermula hari ini sehingga 30 November 2014 (Ahad) dan dibukakan bagi kunjungan orang ramai bermula pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang setiap hari kecuali hari Jumaat iaitu bermula pukul 9.00 hingga 11.30 pagi dan 2.00 hingga 5.00 petang.

Pada Pesta Kerjaya ini, pendaftaran secara 'online' turut dibuka bagi pencari kerja dan mereka yang berminat untuk menyertai Program Rangka Kerja Kompetensi Industri Tenaga (EICF) dan Brunei Maritime Academy (BMA), di samping diadakan sesi 'Penulisan CV', 'Tips Temu duga', 'Temu duga Terbuka' serta 'Demonstrasi dan Role Play' bagi beberapa pekerjaan di dalam Sektor Minyak dan Gas.

Pesta Kerjaya ini adalah satu platform bagi pertemuan antara bakal majikan dan pekerja.

Sokongan dan komitmen berterusan

yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat minyak dan gas dalam memberi pekerjaan kepada anak tempatan dan seterusnya membangunkan sumber tenaga kerja dan keupayaan tempatan di Sektor Minyak dan Gas adalah selaras dengan Wawasan Negara 2035 iaitu bagi Negara Brunei Darussalam diiktiraf untuk pencapaian rakyatnya yang berpendidikan dan berkemahiran

tinggi.

Pesta Kerjaya kali ini, Jabatan Tenaga telah menetapkan sasaran pengambilan seramai 3,000 anak tempatan bagi tahun 2015 dalam Sektor Minyak dan Gas, di mana sasaran ini serupa dengan sasaran 2014, walaupun sukar namun ia boleh dicapai dengan adanya kerjasama rapat dalam sama-sama memastikan kesinambungan kemakmuran Negara Brunei Darussalam.



PARA jemputan dari pelbagai peringkat masyarakat menghadiri perasmian Pesta Kerjaya Sektor Minyak dan Gas yang menawarkan 2,000 peluang pekerjaan.

# PPB cawangan Belait mampu lahirkan belia berkemahiran



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah ketika melancarkan Pusat Pembangunan Belia Cawangan Daerah Belait.

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

**KUALA BELAIT, Selasa, 25 November.** - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berkata, kemahiran sangat penting dan perlu ada dalam diri setiap individu belia.

Menurut Yang Berhormat, hanya dengan mempunyai kemahiran akan dapat membangun diri seseorang individu untuk berjaya, memperolehi pekerjaan dan bangkit daripada kepompong kemiskinan.

"Bagi pembangunan sesebuah negara, pengetahuan dan kemahiran yang dipunyai oleh rakyat dan penduduk akan dapat meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi, lebih-lebih lagi apabila kemahiran itu dikembangkan dengan daya kreativiti dan inovasi," ungkap Yang Berhormat di Majlis Pelancaran Pusat Pembangunan Belia (PPB) Cawangan Daerah Belait, Jalan Maulana, di sini.

Yang Berhormat ketika melancarkan majlis tersebut menyatakan bahawa pelancaran pusat berkenaan sebagai langkah awal menghulurkan

perkhidmatan (outreach) program pembangunan belia-belia kepada golongan belia yang tidak dapat meneruskan pengajian mereka sama ada ke peringkat akademik mahupun teknikal dan vokasional di Daerah Belait dan Tutong.

"Melalui pendekatan ini, para belia bukan sahaja boleh mendapatkan latihan kemahiran di PPB yang bertempat di Kampung Tanah Jambu, Daerah Brunei dan Muara sahaja akan tetapi juga sudah boleh didapati di luar daerah," jelas Yang Berhormat.

Dengan cara demikian akan lebih ramai golongan belia yang berkemahiran dalam pelbagai bidang dihasilkan di negara ini yang dapat membantu mereka untuk mendapatkan pekerjaan atau pun memulakan perusahaan.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa penyediaan pusat latihan luar daerah dilihat mampu memberikan galakkan kepada rakyat dan penduduk di negara ini, khususnya golongan belia di Daerah Belait dan Tutong untuk menceburi latihan kemahiran yang ditawarkan di pusat tersebut.

Berdasarkan statistik lima tahun kebelakangan permohonan yang diterima oleh PPB untuk mengikuti Program Pembangunan Belia seramai 343 pemohon terdiri daripada belia-belia dari Daerah Belait dan Tutong.

Jumlah tersebut tidak termasuk belia-belia yang tidak bersekolah dan belum bekerja dari kedua-dua daerah tersebut yang dijangka tidak mengetahui peluang-peluang untuk mengikuti kursus di PPB.

Sebagai permulaan, PPB Cawangan Daerah Belait melaksanakan Kursus Computer Aided Drafting and Design (AutoCAD). Pada sesi pertama itu seramai 15 belia telah dipilih.

Pemilihan berdasarkan kepada keperluan yang begitu ketara di dalam bidang 'draftsperson' yang begitu diperlukan di dalam sektor minyak dan gas.

"Bidang Draftsperson mempunyai peluang kerjaya yang begitu cerah, yang bermula dari 'trainee draftsperson' dengan tangga gaji BND700-BND1,200, 'draftsperson', 'senior draftsperson', 'trainee designer', 'designer', 'senior designer' sehingga ke tahap menjadi 'lead designer'," jelas Yang Berhormat.

Perkara tersebut kata Yang Berhormat, membuktikan peluang kerjaya di dalam bidang berkenaan begitu menjamin dan yang penting para belia perlu menunjukkan

komitmen dan disiplin kerja yang baik agar mereka dapat bertahan memandangkan perkerjaan itu memerlukan disiplin serta ketahanan mental dan kreatif.

Dalam pada itu, Yang Berhormat memberitahu bahawa Konsep Keperluan Kelompok yang digunakan dalam mekanisme pelaksanaan kursus di Pusat Pembangunan Belia Cawangan Daerah Belait, sesuatu yang berbeza daripada yang dilaksanakan sebelum ini di PPB Daerah Brunei dan Muara kerana ia dilaksanakan berpandukan kepada keperluan setempat dan keperluan kelompok masyarakat.

"Pelaksanaan konsep pembelajaran sedemikian juga dilihat memberikan kesan dan menunjukkan impak yang ketara apabila kursus-kursus baru yang akan dilaksanakan berkenaan selaras kepada kehendak pasaran pekerjaan yang dapat menawarkan pekerjaan dengan serta merta," jelas Yang Berhormat.

Dalam usaha membarigakan penubuhan PPB Cawangan Daerah Belait, Hari Terbuka Pusat tersebut telah menjemput penuntut-penuntut sekolah dan orang ramai hadir ke majlis berkenaan bagi melihat sendiri kursus-kursus yang ditawarkan.

Borang-borang kursus juga boleh didapati khusus bagi para belia yang tidak bersekolah dan tidak bekerja khususnya bagi para belia di Daerah

Belait khasnya.

Sementara itu, PPB sejak penubuhannya sehingga sekarang telah melatih seramai lebih kurang 2,825 belia sama ada dalam program pembangunan belia, program jangka pendek dan termasuklah kursus-kursus singkat.

Dari awal penubuhannya sehingga kini, Pusat berkenaan telah menawarkan sebanyak 20 kursus selaras dengan kehendak pasaran pekerjaan di negara ini.

Pusat yang telah berusia 19 tahun itu telah melahirkan ramai golongan belia yang telah berjaya sama ada dalam bidang pekerjaan, perniagaan mahupun pendidikan.

Ini membuktikan sememangnya lepasan pelatih pusat tersebut juga boleh bersaing dan dapat dijadikan sebagai 'role model' kepada para belia yang mengikuti kursus di PPB amnya dan juga para belia lain di negara ini khasnya.

Pelancaran PPB Cawangan Daerah Belait merupakan sebagai mercu tanda yang positif bukan sahaja buat PPB akan tetapi juga kepada belia-belia di Daerah Belait dan Tutong.

Dengan bertapaknya pusat tersebut diharapkan dapat membantu negara dalam melahirkan lebih ramai golongan belia yang berkemahiran dalam pelbagai bidang di negara ini di masa hadapan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika menyaksikan belia-belia yang mengikuti Kursus Computer Aided Drafting and Design (AutoCAD) di Pusat Pembangunan Belia Cawangan Daerah Belait. (kiri)

# AIRM, AIC bincang insuran bencana alam

Oleh: Nooratini Haji Abas  
Foto: Hernie Suliana Haji Othman



**JERUDONG, Selasa, 25 November.** - Kira-kira 50 pengawalselia dan 100 wakil dari Mesyuarat Majlis Insuran ASEAN (AIC) menghadiri Mesyuarat Pengawalselia Insuran ASEAN Ke-17 (17th ASEAN Insurance Regulators' Meeting - AIRM) dan Mesyuarat Majlis Insuran ASEAN Ke-40 (40th ASEAN Insurance Council Meeting -

PEMANGKU Timbalan Pengarah Urusan (Regulatori), Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Awang Haji Marhain bin Haji Leman ketika berucap pada Mesyuarat Pengawalselia Insuran ASEAN Ke-17 (17th ASEAN Insurance Regulators' Meeting-AIRM) dan Mesyuarat Majlis Insuran ASEAN Ke-40 (40th ASEAN Insurance Council Meeting-AIC).

AIC) berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel and Country Club, di sini.

Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat AIRM Ke-17 dan Mesyuarat AIC Ke-40 dirasmikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Urusan (Regulatori), Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Awang Haji Marhain bin Haji Leman.

Pada majlis tersebut, Pemangku Timbalan Pengarah Urusan (Regulatori) dalam ucapannya menyatakan, penubuhan Pembiayaan Risiko Bencana dan Program Insurans (DRFI) yang tepat pada masanya adalah untuk meningkatkan daya tahan kewangan negara-negara ASEAN dan bencana alam.

Kejadian baru-baru ini di beberapa kawasan ASEAN menurutnya, telah memberi kesan ekonomi termasuk industri insuran sebagai

sumber dana untuk pemulihan.

Oleh itu, usaha pihak pengawalselia yang berterusan dalam menyumbangkan kepada statistik insurans bersatu ASEAN diharap akan memberi maklumat yang berguna untuk membantu dalam analisis data bagi menyediakan 'risk modeling tools' yang akan membantu penggubal dasar untuk membuat keputusan kewangan.

Memandangkan kadar penembusan yang rendah dalam pasaran insuran ASEAN, beliau seterusnya menggesa pengawalselia dan AIC untuk meneroka lebih jauh termasuklah insuran mikro, yang mana sesetengah negara-negara ASEAN sudah mempunyai beberapa inisiatif mengenyainya.

Beliau menambah, dengan kehadiran 'ASEAN Insurance Research and Training Institute

(AITRI)', 'Asian Development Bank (ADB)' dan 'ASEAN Insurance Education Committee' akan memberi peluang kepada perbincangan perkembangan semasa terutama dalam pembangunan kapasiti sebagai sebahagian daripada usaha berterusan pihak pengawalselia untuk terus mengikuti apa yang berlaku di dunia insuran.

Katanya, Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kali ketiga kepada mesyuarat-mesyuarat tersebut yang diadakan setiap tahun secara bergilir-gilir di kalangan negara-negara ASEAN.

Selain mesyuarat-mesyuarat berkenaan, juga diadakan Mesyuarat Bersama Di antara Pengawalselia dan AIC, 'Council of Bureau', 'ASEAN Natural Disaster Research Work Sharing' dan 'ASEAN Insurance Education Committee'.

## BSP - Syarikat Jepun tandatangani projek bekalan tiub minyak



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menyaksikan Majlis Penandatanganan Kontrak Perjanjian di antara Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad dan Nippon Steel & Sumitomo Metal Corporation dan Sumitomo Corporation Asia & Oceanic Pte Ltd.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

**JERUDONG**, Rabu, 26 November. - 'Projek penyediaan bekalan barangan tiub minyak negara termasuk menubuhkan loji pembuat ulir paip di Negara Brunei Darussalam' akan menjadi pemangkin untuk menarik dan membawa masuk lebih banyak pelabur ke negara ini untuk melihat dengan teliti keperluan tawaran negara dari segi kemudahan dan peluang, yang bukan sahaja berkaitan minyak dan gas tetapi dalam sektor ekonomi yang lain.

Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar percaya projek itu dari perspektif kerajaan bukan sahaja akan membawa terus pelaburan asing tetapi juga pemindahan teknologi dan pengetahuan dari Jepun, negara yang terkenal dengan kemajuan teknologi dan inovasi.

Yang Berhormat menyatakan perkara itu pada Majlis Menandatangani Kontrak Perjanjian di antara Syarikat Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) dan Nippon Steel & Sumitomo Metal Corporation

(NSSMC) dan Sumitomo Corporation Asia & Oceanic Pte. Ltd. berlangsung di Member's Grill, The Empire Hotel and Country Club..

Justeru itu, penyerapan pelaburan kerajaan dalam menyediakan kawasan perindustrian dan lain-lain termasuk mereka yang berada di Pulau Muara Besar, Bukit Penggal, Tutong dan Sungai Duhon di Kuala Belait khusus bagi projek itu menunjukkan keyakinan bahawa masa depan industri minyak dan gas bukan sahaja di Brunei Darussalam tetapi di rantau ini secara keseluruhannya, jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, kilang bagi projek itu

akan dibina di kawasan Perindustrian Salambigar iaitu kawasan yang telah dibangunkan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB).

Dalam pada itu, Jabatan Tenaga di JPM ujarnya, turut mengambil kumpulan profesional yang sedia ada dan tenaga kerja teknikal untuk memastikan kemampunan negara dalam minyak dan gas.

Selain itu, tenaga kerja sama ada pihak pengurusan atau kakitangan menurutnya, perlu menanamkan nilai-nilai etika yang tinggi dalam



MENTERI Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin semasa berucap pada majlis tersebut.

kejujuran termasuk dalam hal-hal yang berkaitan integriti perniagaan yang perlu dipatuhi oleh kedua-duanya.

Majlis diteruskan dengan penandatanganan kontrak perjanjian di antara BSP dan NSSMC dan Sumitomo Corporation Asia & Oceanic Pte. Ltd. Menandatangani bagi pihak Syarikat BSP ialah Pengarah Teknikal BSP, Yap Kong Fah sementara NSSMC diwakili oleh Pegawai Eksekutif NSSMC, Toshihiko Kunishi selaku Naib Ketua Unit Paip dan Tiub, dan Koperasi Sumitomo pula diwakili oleh Pengurus Am Bahagian Produk Tublar, Shuichi Suzuki.

Penandatanganan tersebut disaksikan oleh Menteri Tenaga di JPM selaku tetamu kehormat.

## Kerjasama erat ASEAN +3 penting bagi Asia Timur



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng bersama rakan-rakan yang menghadiri Forum Asia Timur semasa sesi bergambar ramai.



MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) ketika berucap pada Perasmian Forum Asia Timur Ke-12.

**JERUDONG**, Rabu, 26 November. - Forum Asia Timur telah ditubuhkan sejak 12 tahun yang lalu dan Negara Brunei Darussalam buat julung kalinya menjadi tuan rumah bagi forum berkenaan.

Ia merupakan acara tahunan bagi peserta-peserta dari sektor awam, swasta dan akademik dari negara-negara ASEAN +3 untuk membincangkan isu-isu berkepentingan bersama dan langkah-langkah ke arah mengukuhkan lagi pembangunan di rantau Asia Timur.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng hadir selaku tetamu kehormat pada majlis Perasmian Forum Asia Timur Ke-12 berlangsung di Dewan Indera

Samudera, The Empire Hotel and Country Club, di sini.

Dalam ucapan perasmian, Yang Berhormat antara lain menekankan pentingnya kerjasama yang erat di antara negara-negara ASEAN +3 untuk bersama-sama membina masa depan yang berdaya tahan bagi rantau Asia Timur.

Forum kali ini bertema 'Sustainable Growth: The Common Purpose Towards a Peaceful, Prosperous and Environmentally-Responsible East Asia'.

FORUM Asia Timur Ke-12 dihadiri sama oleh para delegasi dari negara-negara ASEAN dan rakan dialog Campur Tiga iaitu, Jepun, Korea dan Republik Rakyat China.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad



# ICOTE 2014 jelmakan perubahan, inovasi dalam pendidikan

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Masri Osman



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman (tengah) semasa hadir di Persidangan Antarabangsa Pendidikan Guru 2014 (ICOTE 2014) yang berlangsung di The Empire Hotel and Country Club.

**JERUDONG**, Isnin, 24 November. – Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan kerjasama Consortium of Asia-Pacific Education University (CAPEU) pagi tadi mengunyahkan Persidangan Antarabangsa Pendidikan Guru kali ke-2, 2014 (ICOTE 2014) yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan persidangan tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Persidangan dua hari yang bertemakan Pendidikan Guru-Guru Dalam Perspektif Islam dihadiri oleh lebih dari 100 peserta dari dalam dan luar negara.

Pada persidangan tersebut sebanyak 73 pembentang akan membentangkan kertas kerja mereka terdiri dari pembentang kertas perdana, lima pembentang kertas utama dan 67 yang lain akan menyampaikan pembentangan mereka dalam sesi selari yang terdiri dari ahli-ahli KUPU SB dan CAPEU.

Pembentang utama bagi persidangan ini terdiri dari Naib Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia, Prof Dato' Dr. Zakaria bin Kasa; Timbalan Naib

Canselor UPSI, Malaysia, Prof Dato' Dr. Noraini binti Idris dan Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan Ra'es KUPU SB, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim menyatakan bagi KUPU SB, persidangan tersebut adalah penting dan istimewa kerana ianya menandakan sokongan keahlian KUPU SB dan CAPEU yang berminat untuk menjelmakan perubahan dan inovasi dalam pendidikan, latihan keguruan dan perkhidmatan penyelidikan di kalangan universiti pendidikan di Asia Pasifik amnya dan KUPU SB khususnya.

Selain itu terangnya persidangan tersebut merupakan usaha serius dan tulus KUPU SB secara bersama di bawah konsortium untuk mempertingkatkan dan memperkasa perkhidmatan dan hala tuju bagi melahirkan tenaga guru yang berkaliber, berwibawa, pencorak jati diri anak bangsa seperti yang dikehendaki dalam ajaran Islam.

Dari itu tekannya, adalah diharapkan dengan adanya ICOTE 2014 para pembentang dan ilmu akan dapat mengongsikan fikrah dan buah fikiran yang bernas serta bermanfaat dalam bertukar-tukar keilmuan masing-masing demi meningkatkan kualiti

pendidikan guru serta aspek-aspek berkaitan dengan bidang perguruan dan latihan keguruan.

Dalam pada itu, Presiden CAPEU, Naib Canselor UPSI, Prof Dato' Dr. Zakaria bin Kasa dalam ucapannya menjelaskan CAPEU pada masa kini mempunyai 22 buah institusi pendidikan tinggi yang memfokuskan pendidikan atau mempunyai fakulti atau pusat pendidikan di negara-negara Asean dan Asia Pasifik.

Terangnya, antara aktiviti yang dijalankan oleh CAPEU termasuklah menganjurkan persidangan, pertukaran pelajar, penganjuran kursus untuk pelajar, dan penerbitan jurnal yang diamanahkan kepada Universiti Deakin, Australia serta pemetaan aktiviti CAPEU telah dilakukan di UPSI dengan melibatkan ahli dari rakan CAPEU yang terdiri dari daripada DAAD, Jerman; East West Centre, Hawaii dan Universiti Miyagi, Jepun.

Menurut Prof Dato' Dr. Zakaria lagi pemilihan tema persidangan pada kali ini sangat sesuai dengan perkembangan pendidikan guru masa kini di seluruh dunia yang sepatutnya berubah mengikut perubahan bagi menghadapi abad ke-21 di mana pelajar pada abad ini berbeza dari segi budaya, nilai dan tindakan mereka berbanding dengan pelajar masa

dahulu dan ini selaras dengan ledakan ilmu pengetahuan dan perkembangan teknologi, terutama teknologi komunikasi yang begitu pantas.

Namun demikian, dalam menghadapi perubahan yang akan berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran pada masa hadapan tekan Prof. Dato' Dr. Zakaria lagi kita tidak boleh mengeneipkan kualiti dalam penghasilan guru.

"Guru yang berkualiti sudah menjadi agenda penting dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dengan memastikan hanya guru novis yang berkualiti yang dikeluarkan institusi pendidikan guru diterima mengajar di sekolah-sekolah kerajaan. Kualiti guru akan ditentukan oleh ujian khas dalam pemilihan mereka yang berminat menjadi guru," ujarnya lagi.

Dari itu untuk memastikan guru berkualiti dihasilkan, Agensi Kualiti Malaysia (MQA) bersama-sama dengan pakar-pakar pendidikan negara telah menghasilkan standard pendidikan guru yang perlu dipatuhi oleh institusi pendidikan guru dalam pengubalan kurikulum pendidikan guru masing-masing dan pemantauan pematuhan standard dibuat sendiri oleh MQA.

Dalam pada itu, ahli-ahli CAPEU boleh membincangkan tentang

menyediakan standard pendidikan guru serantau yang boleh digunakan dalam pengubalan kurikulum dan pelaksanaan program pendidikan guru di negara masing-masing.

Guru yang berkualiti yang dihasilkan oleh mana-mana institusi pendidikan guru katanya boleh diterima mengajar di negara-negara Asean dan Asia Pasifik apabila semua ahli mengiktiraf kualiti guru yang dipersetujui bersama.

Prof Dato' Dr. Zakaria berharap dengan persidangan tersebut akan memberikan faedah kepada semua peserta dalam sama-sama memperoleh banyak maklumat untuk dikongsi bersama, terutama yang berkaitan dengan dapatan kajian (research finding) yang dibentangkan oleh pembentang kertas kerja dalam persidangan berkenaan.

Antara objektif persidangan diadakan adalah untuk meninjau perkembangan semasa Pendidikan Guru dalam rantau Asia Pasifik, selain sebagai wadah perbincangan di antara ahli-ahli akademik dan pihak berkepentingan dalam menangani isu dan cabaran Pendidikan Guru disamping untuk meneroka peluang kerjasama dalam penyelidikan dan perkembangan dalam bidang Pendidikan Guru dalam kalangan universiti-universiti ahli dan sebagai wadah perkongsian praktik terbaik dalam Pendidikan Guru.

## Guru pewaris kepada para nabi

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

**JERUDONG**, Selasa, 25 November. - Islam meletakkan profesion keguruan sebagai satu profesion yang mulia kerana tingginya penghargaan yang diberikan kepada guru itu sehingga menempatkan mereka sebagai pewaris kepada para nabi.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar pada Majlis Penutupan Rasmi Persidangan Antarabangsa Pendidikan Guru 2014 (ICOTE) di Dewan Indera Samudra, The Empire Hotel and Country Club, di sini.

Menurut Yang Mulia, apa yang penting pendidikan guru itu haruslah

menjurus kepada pendidikan yang menjadikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai qudwah hasanah kerana baginda merupakan seorang pendidik yang agung dan memiliki metode pendidikan yang unik yang menekankan kepada tiga aspek iaitu aqidah; syariah dan akhlak.

Jelasnya, baginda sangat memperhatikan manusia sesuai dengan keperluannya, keperibadiannya serta kemampuan akal yang semua itu terbukti keberkesannya dalam dakwah dan pengajaran baginda.

Seorang guru yang baik itu jelasnya, mempunyai ilmu yang luas dan

ciri-ciri yang hebat yang bertanggungjawab dalam kerjayanya, ikhlas dalam menyampaikan ilmunya, mulia akhlaknya, baik amalnya, bertanggungjawab kepada dirinya dan juga kepada masyarakatnya.

"Ugama Islam tidak menafikan kewujudan proses pembelajaran dan pengajaran menggunakan ICT masa ini kerana ianya membantu keberkesanan dalam pengajaran. Begitu juga tidak dinafikan akan kepentingan belajar secara talaqqi atau berguru khususnya ilmu-ilmu ugama," ujar Yang Mulia.

Melihat kepada dua komponen penting itu, tegas Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, para guru perlu menguasai kemahiran ICT dengan sebaiknya, di samping berperanan besar dalam membimbing anak murid dan pelajarnya bagaimana

menggunakan ICT dengan betul.

Tambahnya, apa yang lebih utama adalah bagaimana berinteraksi dengan sumber maklumat secara bijaksana.

Oleh itu, Yang Mulia menekankan, agar institusi pendidikan guru mestilah menyediakan para guru yang berkemahiran dalam bidang teknologi maklumat serta komunikasi selaras dengan perkembangannya yang begitu pantas.

Terdahulu menyentuh tentang persidangan tersebut, beliau berpendapat ianya merupakan pertemuan para peserta dari pelbagai institusi pendidikan yang menjadi ahli CAPEU untuk bertukar-tukar pandangan dan maklumat tentang pendidikan khususnya pendidikan guru yang tentunya banyak bahan dan topik yang telah disentuh dan dibincangkan.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar ketika berucap pada Majlis Penutupan Rasmi Persidangan Antarabangsa Pendidikan Guru 2014 (ICOTE).

# Pencapaian PSR 2014 kalangan Sekolah Pemangkin meningkat

**BANDAR SERI BEGAWAN** - Selasa, 25 November. - Usaha Kementerian Pendidikan dalam memperkenalkan Sekolah Pemangkin bagi mempertingkatkan pencapaian peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2014 telah menunjukkan hasil di mana 12 daripada 15 buah sekolah yang berada di bawah program berkenaan telah berjaya menunjukkan peningkatan di antara 0.85 dan 25.75 peratus dalam pencapaian murid-murid yang memperolehi gred A-D.

Dari 15 buah sekolah berkenaan, Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas (OKBI) Subok, Brunei IIB telah menunjukkan tahap peningkatan yang tinggi dengan peningkatan sebanyak 93.10 peratus.

Sehubungan dengan itu, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berkesempatan meninjau perkembangan sekolah berkenaan.

Turut menyertai rombongan ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Ismail.

Ketibaan Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan rombongan dialu-alukan oleh Guru Besar Sekolah Rendah OKBI, Subok, Brunei IIB, Dayang Harifah Khalijah binti Mohammad. Majlis dimulakan dengan taklimat mengenai profil sekolah dan strategi-strategi peningkatan PSR 2014 sekolah berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam ucapannya bagi mewakili pihak Kementerian Pendidikan mengucapkan tahniah dan syabas kepada Guru Besar, Penolong Guru Besar, Guru Kanan dan semua guru-guru di sekolah berkenaan di atas kejayaan sekolah itu meraih keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan PSR 2014 di mana 2 orang calon dari sekolah tersebut juga telah berjaya memperolehi keputusan 5A daripada 29 orang calon.

Menurut Yang Berhormat, dari 4,643 calon, seramai 948 calon peperiksaan PSR 2014 adalah dari 15 buah sekolah-sekolah pemangkin. Sekolah-sekolah pemangkin ini dipilih berdasarkan prestasi pencapaian lulus PSR yang di bawah 75 peratus selama dua tahun kebelakangan. Dari jumlah



**MENTERI** Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong bergambar ramai bersama pelajar-pelajar yang menduduki Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2014 di Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas (OKBI) Subok, Brunei IIB.

berkenaan seramai 85 orang calon yang mempunyai masalah kehadiran sekolah telah di tempatkan sepenuh masa di asrama Maktab Duli Pengiran Muda Mahkota Al Muhtadee Billah Gadong dan bersekolah di tempat yang sama secara sementara dan dinamakan 'Sekolah Rendah Maktab Duli'.

Seterusnya, Menteri Pendidikan turut mengongsikan matalamat dan inisiatif PSR 2014 yang mengharapkan sekurang-kurangnya 10 buah sekolah pemangkin mencapai peratus lulus 85 peratus dan ke atas.

Di antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk mencapai matalamat ini termasuklah meningkatkan jumlah waktu belajar bagi mata-mata pelajaran teras iaitu Matematik dan Sains, menempatkan tenaga pengajar tahun 7 dan 8 ke sekolah pemangkin, pemantauan kedatangan para pelajar secara berterusan, penempatan sementara 85 orang calon di Sekolah Rendah Maktab Duli dan pemantauan berterusan oleh pihak Kementerian Pendidikan ke atas sekolah-sekolah pemangkin.

Menyentuh mengenai keputusan PSR 2014 bagi 15 buah sekolah pemangkin dengan menyatukan

## Berita dan Foto : Ihsan Kementerian Pendidikan

calon-calon yang ditempatkan secara sementara di Sekolah Rendah Maktab Duli, Yang Berhormat menyatakan bahawa seramai 698 daripada 948 calon (73.63 peratus) telah mencapai keputusan Gred A-D berbanding hanya 65.75 peratus pada tahun 2013 bagi sebanyak 714 calon daripada 1086 calon. Manakala 12 daripada 15 buah sekolah pemangkin telah memperlihatkan peningkatan pencapaian peratus lulus bagi Gred A-D, di mana sebanyak 7 buah sekolah telah mencapai peratus lulus melebihi 75 peratus.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan bahawa Sekolah Rendah OKBI Subok telah mencatat peratus lulus tertinggi iaitu sebanyak 93.10 peratus dengan kenaikan sebanyak 25.75 peratus berbanding dengan tahun lepas. Sementara itu 9 buah sekolah telah menunjukkan peningkatan pencapaian lulus bagi Gred A-C.

Dalam pada itu, seramai 452 calon (47.68 peratus) telah mendapat

Gred A-C berbanding dengan 392 calon daripada 1086 calon (36.10 peratus) pada tahun 2013.

Justeru itu, 12 buah sekolah pemangkin telah menunjukkan peningkatan peratus pencapaian Gred A-D dalam subjek Matematik berbanding 2013. Sekolah Rendah OKBI Subok menunjukkan peningkatan tertinggi sebanyak 27.16 peratus iaitu daripada 69.39 peratus pada tahun 2013 kepada 96.55 peratus tahun ini.

Di antara 10 buah sekolah pemangkin yang telah menunjukkan peningkatan peratus Gred A-C dalam subjek Matematik, Sekolah Rendah OKBI, Subok telah berjaya menunjukkan peningkatan tertinggi dengan mendapat 86.21 peratus berbanding 51.02 peratus daripada tahun 2013.

Menteri Pendidikan juga menyatakan bahawa pencapaian cemerlang yang diperolehi oleh Sekolah Rendah OKBI, Subok, Brunei IIB adalah juga merupakan hasil usaha bersama

yang telah dibuat oleh Guru Besar selaku pemimpin sekolah bersama warga sekolah.

Kejayaan yang diraih menurut Yang Berhormat juga adalah hasil daripada dedikasi dan tanggungjawab guru-guru Tahun 6, guru-guru sokongan, guru-guru pemangkin dalam menyumbangkan tenaga dan khidmat semata-mata untuk melihat kejayaan pelajar-pelajar yang di bawah pengawasan mereka.

Untuk itu, Yang Berhormat menyarankan agar Guru Besar dan warga sekolah agar terus berusaha mempertahankan prestasi dalam meningkatkan pencapaian pelajar-pelajar Tahun 6 bagi tahun 2015 khususnya dalam meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran.

Turut menyertai rombongan Menteri Pendidikan ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dato Paduka Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Hajah Dayang Romaizah binti Haji Mohd Salleh, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

# SEDEX 2014 pamerankan daya kreatif pelajar



**TIMBALAN** Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned menyaksikan hasil produk pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di daerah ini.

**TEMBURONG**, Selasa, 25 November. - Seperti juga di daerah-daerah lain, Ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar (Student Entrepreneurship Development Expo, (SEDEX) 2014 anjuran Kementerian Pendidikan sempena Sambutan Hari Guru Ke-24, 2014 dan 100 Tahun

Pendidikan Formal Negara Brunei Darussalam turut diadakan di daerah ini.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan ekspo yang berlangsung di Ruang Legar, Bangunan Kompleks Bumiputera, Pekan Bangar di sini ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana

Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned.

Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan yang juga Pemangku Pengarah Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahim bin Derus dalam ucapannya berkata dalam mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan lagi tahap literasi bisnes kepada belia dan pelajar, Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain dalam kerajaan telah mengambil beberapa langkah dengan memperkenalkan program-program yang berkaitan dengan keusahawanan.

Di antara usaha Kementerian Pendidikan dalam menerapkan unsur-unsur keusahawanan dalam kurikulum pendidikan negara ini jelasnya ialah dengan mengenalkan beberapa program keusahawanan.

Menurutnya, SEDEX 2014 ini adalah salah satu daripada program keusahawanan yang diperkenalkan dan ia adalah kesinambungan inisiatif yang telah diadakan pada tahun 2012 dan 2013 yang mana ekspo ini mempamerkan dan mempromosikan hasil produk pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di daerah ini. Di antara produk yang akan dipromosikan ialah seperti lukisan, kraftangan, reka cipta, makanan sihat

## Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan Hussain

dan sebagainya.

"Adalah menjadi harapan kita semua, Ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar ini akan dapat memberikan kesan positif terhadap pembangunan modal insan yang berguna dan memupuk minat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Selain itu adalah diharapkan juga supaya pelajar-pelajar akan lebih berkeyakinan, berani tampil di khalayak ramai dan dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi mereka.

Sehubungan dengan itu, peranan pendidikan adalah sangat penting dalam membimbing dan mencetus minat keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar dan sekali gus dapat mencungkil bakat pelajar untuk menghasilkan idea-idea kreatif yang mempunyai nilai komersil yang dapat dipasarkan. Saya berharap agar Ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar (SEDEX 2014) ini dapat memberi impak dan kesan positif kepada semua pelajar dan membuahkan hasil seperti yang diharapkan," tambahnya.

Antara objektif SEDEX 2014 ialah untuk memupuk semangat para pelajar supaya berdisiplin dan bekerja secara berpasukan, mengetengahkan

hasil atau produk pelajar yang bermutu tinggi serta memberi penghargaan terhadap hasil daya kreatif pelajar-pelajar.

Di samping itu, ia juga bertujuan bagi memupuk kefahaman dan kesedaran akan kepentingan sumber kewangan, pengurusan kewangan, keusahawanan dan kesan kewangan dalam kehidupan seharian dan memberi peluang pelajar-pelajar mengadakan rangkaian bersama pelajar-pelajar di sekolah-sekolah lain supaya dapat bertukar-tukar fikiran, berkongsi pengalaman dan sebagainya.

Sebanyak 11 buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar menyertai ekspo ini yang dibukakan kepada orang ramai selama sehari bermula hari ini sejurus selepas majlis pelancaran sehingga 5.00 petang.

Turut hadir di majlis pelancaran ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad; Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan.



# Penduduk Kampung Masin terkenal 'kegigihannya'

**K**enali  
**N**egara  
**K**itani

Oleh : Pg. Hajah Fatimah  
Pg. Haji Md Noor,  
Rahimah Haji Tamin,  
Nurul Syakirah Zaini  
Foto: Md. Arif Morni



KETUA Kampung Masin, Awang Mohsin bin Haji Kamis.

**P**ROGRAM Sua Muka kali ini memaparkan Kampung Masin, Pengkalan Batu yang terletak di Daerah Brunei Muara yang menekankan hidup saling hormat-menghormati dan bekerjasama dalam kalangan mereka.

Lebih enam ribu orang penduduk yang tinggal di kampung tersebut yang ditadbir oleh seorang ketua iaitu Awang Mohsin bin Haji Kamis sejak tahun 1993 sehingga kini. Selain Kampung Masin, juga turut ditadbir ialah Kampung Bebatik.

Bila diajukan sejarah asal usul kampung ini melalui cerita lisan, pada zaman dahulu ditemui sebuah telaga yang terletak di atas bukit di Simpang 616, Jalan Kecil Masin. Air daripada telaga tersebut, rasanya masin. Di situ juga kawasan orang zaman dahulu menanam padi. Jika difikirkan kembali adalah mustahil telaga tersebut berasa masin kerana ia terletak di atas bukit. Oleh sebab



PEMANDANGAN Masjid Kampung Masin.



MASJID Kampung Masin untuk kegunaan penduduk kampung.

keunikan inilah, nama kampung ini dikenali sebagai Kampung Masin. Pada masa ini, tapak telaga tersebut telah tertimbus disebabkan pembinaan Sekolah Menengah Masin.

Semasa kunjungan program ini, ketua kampung berkenaan bersyukur atas kemudahan-kemudahan asas yang diberikan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti bekalan air, bekalan tenaga elektrik mahupun telefon dan jalan raya.

Sekolah Menengah Masin, Sekolah Rendah Masin, Sekolah Agama Masin dan Masjid Kampung Masin merupakan antara kemudahan yang diberikan oleh kerajaan dan banyak membantu orang-orang kampung membangun dan memajukan diri mereka dari semasa ke semasa.

Program-program yang diungkayahkan di kampung ini termasuklah mengadakan jualan gerai bulan Ramadhan, sumbangan derma anak yatim, membersihkan kawasan tanah perkuburan, Makan Doa Arwah Setahun, Majlis Ibadah Korban, sambutan Hari Raya



SEBUAH sekolah rendah turut disediakan di kampung ini.

Aidilfitri, Sambutan Hari Keluarga, Walkaton Amal dan Pertandingan Kereta Tahan Lasak Pacuan Empat Roda (4WD).

Penduduk kampung ini juga aktif mengikuti aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Hadrah, Dikir Syarafil Anam dan Dikir D'baie yang disertai oleh kaum wanita dan belia kampung ini di bawah kelolaan ahli takmir dan Muslimah masjid.

Di samping itu, ahli-ahli Persatuan 4WD aktif melibatkan diri dalam apa

jua bentuk aktiviti berkebajikan yang diadakan di kampung tersebut antaranya, dalam satu kejadian kebakaran yang berlaku di kampung tersebut ahli jawatankuasa persatuan ini dengan ringan tulang mengumpulkan dana bagi meringankan beban mangsa kebakaran. Selain itu, persatuan ini juga aktif mengikuti acara-acara di dalam dan luar negeri seperti Program Jelajah Borneo.

Majlis Perundingan Kampung (MPK) mengungkayahkan perusahaan peladang kelompok sejak tahun 1994 dengan keluasan 42 hektar dan seramai 94 orang ahli yang dibekalkan benih tanaman daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Di kampung ini juga terletaknya tapak penternakan ayam (MZB), Ideal Multifeed Farm dan perusahaan sayur-sayuran secara besar-besaran terletak di tapak bertumpu, Kampung Masin.

Ketua kampung berkenaan mengemukakan cadangan-cadangan beliau bagi memajukan kampung tersebut. Antaranya agar diberikan tempat pembuangan sampah, membesarkan masjid dan sekolah rendah bagi menampung keperluan penduduk kampung yang semakin meningkat.

Program Sua Muka Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri adalah bagi meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat serta kerajaan selain membarigakan maklumat dan program serta perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung melalui akhbar rasmi kerajaan PELITA BRUNEI dan menyampaikan maklumat serta isu-isu semasa dan dasar kerajaan.



PROGRAM Sua Muka (Personal Contact) Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri bagi meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat selain membarigakan maklumat, program serta perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung serta menyampaikan maklumat serta isu-isu semasa dan dasar kerajaan.





# Program keusahawanan sosial ubah cara perniagaan

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Masri Osman

mengubah cara perniagaan yang para pengusaha lakukan bagi menyediakan dan membangunkan penyelesaian masalah secara inovatif untuk keperluan masyarakat hari ini.

Sehubungan itu, iCentre telah mengadakan Forum Siri Keusahawanan untuk memberikan gambaran kepada para peserta mengenai industri keusahawanan sosial yang telah dihadiri dari kalangan para pengusaha dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berlangsung di Hotel Radisson, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis dan seterusnya menyampaikan Ucaptama pada forum berkenaan ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Antara intipati ucaptama yang bertajuk 'The Importance of Getting Involved', Yang Mulia Datin Paduka menjelaskan, program Keusahawanan Sosial perlu dilaksanakan seawal mungkin sama ada dalam pendidikan formal atau tidak bagi menyemai minat golongan muda dalam bidang tersebut.

Selain itu, peluang juga perlu

dibukakan kepada golongan belia untuk melibatkan diri dalam kegiatan keusahawanan sosial dan program pembangunan keupayaan, di samping diterapkan kepada para pengusaha baru.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menegaskan, peranan keusahawanan bertindak sebagai agen untuk memacu perubahan sosial dan perkembangannya memerlukan sokongan semua pihak yang berkaitan.

Forum tersebut turut mendapat perhatian pembentang dari luar negara

yang antaranya terdiri daripada Pengarah Pusat Keusahawanan NUS, Professor Wong Poh Kam, juga diadakan sesi dialog yang bertajuk

'Apakah Keusahawanan Sosial' yang disampaikan oleh penceramah jemputan dari Pengurus Kanan Hal Ehwal Korporat, Standard Chartered Bank Brunei, Dayang Marilyn Graeme dan Pengarah serta Pengasas Green Brunei, Dayang Fatin Arifin.

Manakala sesi dialog pula telah dipengerusikan oleh Commercial and Prosperity Manager of the British High Commission, Awang Delwin Keasberry.

**TIMBALAN** Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman ketika menyampaikan ucaptama pada Forum Siri Keusahawanan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 25 November. - Terdapat satu trend baru dalam bidang keusahawanan sosial yang telah

## The Report: Brunei Darussalam 2014 diterbitkan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 25 November. - Usaha Brunei Darussalam untuk mewujudkan suasana perniagaan kecil-kecilan sedang berkembang maju di tengah-tengah hidrokarbon utama dan pembangunan petrokimia, telah diterokai dalam satu laporan penting yang dihasilkan oleh penerbitan, penyelidikan dan perundingan global, Oxford Business Group (OBG) dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri (JPM).

'The Report: Brunei Darussalam 2014' adalah sebuah buku laporan yang menumpukan perhatian terhadap Rancangan Kemajuan Negara, RKN Ke-10, yang merangsang aktiviti pembinaan, memandangkan infrastruktur kerajaan perlu diperluaskan bagi mengembangkan asas ekonomi negara.

Penerbitan buku itu juga kelihatan secara terperinci di bahagian yang mana Brunei Darussalam sedang berperanan dalam mengukuhkan integrasi serantau dan meningkatkan hubungan bersama negara-negara anggota ASEAN.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pelancaran 'The Report: Brunei

Darussalam 2014' telah diadakan di Bangunan JPM, di sini.

Hadir melancarkan buku laporan tersebut ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos dan Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Penyunting OBG, Andrew Jeffreys.

'The Report: Brunei Darussalam 2014' mengandungi sumbangan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama dengan panduan 'sector-by-sector' yang terperinci untuk para pelabur.

Ia juga dimuatkan dengan pelbagai wawancara dengan ahli-ahli politik, perwakilan ekonomi dan perniagaan terkemuka termasuk Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Personaliti antarabangsa termasuk Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping, Setiausaha



**SETIAUSAHA** Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos bergambar ramai bersama Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Penyunting OBG, Andrew Jeffreys sejeurus merasmikan 'The Report Brunei Darussalam 2014'.

Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Le Luong Minh dan Naib Presiden Eksekutif Kanan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Energy Business Group, Mitsubishi Corporation, Jun Yanai juga memberikan pandangan mereka mengenai pembangunan ekonomi Brunei Darussalam.

Laporan terkini OBG juga menyentuh mengenai strategi baru Brunei Darussalam bagi memacu eksport sektor tenaga. Ia menyediakan, dalam liputan tertentu, pelbagai rancangan di negara ini untuk memberi tumpuan kepada meningkatkan pemulihan minyak di laut dalam dan penerokaan sebagai sebahagian daripada tawaran yang lebih luas untuk meningkatkan aktiviti hiliran.

Dengan pinjaman kepada beberapa sektor ekonomi yang semakin meningkat, 'The Report: Brunei Darussalam 2014' menganggap apa jua yang akan datang adalah untuk industri perbankan di negara ini.

Penerbitan OBG ini juga meninjau rancangan kerajaan untuk melabur dalam ICT, kerana ia bergerak untuk memenuhi permintaan negara dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan e-Kerajaan.

'The Report: Brunei Darussalam 2014' telah diterbitkan bersama dengan Bahagian Media dan Kabinet, JPM yang mana sumbangan juga telah dibuat oleh beberapa penaja iaitu Bank Baiduri dan Deloitte and Dr. Colin Ong

Legal Services.

Penerbitan 'The Report: Brunei Darussalam 2014' ini boleh diperolehi dalam media cetak atau 'online'.

'The Report: Brunei Darussalam 2014' menandakan kemuncak kepada lebih daripada enam bulan penyelidikan oleh pasukan penganalisis dari OBG.

Penerbitan itu juga menilai trend dan perkembangan di seluruh ekonomi, termasuk makroekonomi, infrastruktur, perbankan dan perkembangan sektor lain.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali.

## Tiga pengurus muda terima anugerah YAMA



**JERUDONG**, Selasa, 25 November. - Seramai tiga orang pengurus muda ASEAN menerima Anugerah Pengurus Muda ASEAN (YAMA) di Majlis Jamuan Makan Malam bagi meraikan para delegasi yang menghadiri Mesyuarat Pengawalselia-Pengawalselia Insuran ASEAN Ke-17 (17th AIRM) dan Mesyuarat Kouncil Insurans ASEAN Ke-40 (40th AIC) yang diadakan di The Empire Hotel and Country Club,

**PENGARAH** Eksekutif AMBD, Dayang Hajah Mahani binti Haji Mohsin, selaku Pengerusi AIRM Ke-17 ketika menyampaikan Anugerah YAMA kepada Appointed Actuary, Great Eastern Life Assurance (M) Bhd, Malaysia, Mr. Loke Chang Yueh.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mahadi Haji Marsidi

di sini.

Authoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menghoskan majlis itu sempena Mesyuarat AIRM Ke-17 dan AIC Ke-40.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Eksekutif AMBD, Dayang Hajah Mahani binti Haji Mohsin, selaku Pengerusi AIRM Ke-17 yang kemudiannya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada tiga orang finalis YAMA.

Penerima Augerah YAMA telah diberikan kepada Mr. Loke Chang Yueh, Appointed Actuary, Great

Eastern Life Assurance (M) Bhd, Malaysia, sementara dua finalis lain terdiri dari Azrul Azam Abdul Abas, Assistant Vice President, Etiqa Insurance & Takaful, Malaysia dan Cik Susan Tay Chin Mei, Service Operations Manager, Aviva Ltd, Singapore.

Tetamu kehormat juga turut menyampaikan sijil kepada seramai 77 peserta yang telah menghadiri kursus ASEAN School of Young Insurance Managers (AYIM) pengambilan kali kelima dan kepada peserta-peserta ASEAN School of Advanced Insurance Leadership (SAIL) Ke-3.

# Keberangkatan Kebawah DYMM suntik semangat warga PA

Oleh: Haniza Abdul Latif  
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad



Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-21, 2014.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dijunjung oleh Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar; Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned, selaku Penasihat-Penasihat Bersama Sambutan HPA dan Setiausaha Tetap di JPM, Awang Yahya bin Haji Idris yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Novem. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Perak kepada Kumpulan Sinar Cahaya dari Jabatan Psikiatri Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kementerian Kesihatan (atas), sementara gambar bawah, baginda berkenan mengurniakan Anugerah Gangsa kepada Kumpulan iCuaca dari Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Perak kepada Kumpulan Sinar Cahaya dari Jabatan Psikiatri Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kementerian Kesihatan (atas), sementara gambar bawah, baginda berkenan mengurniakan Anugerah Gangsa kepada Kumpulan iCuaca dari Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam.



HPA Ke-21.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkhiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkhiah serta Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan Kebawah DYMM berserta kerabat diraja yang lain diiringi dengan persembahan tausyah dan diikuti dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned yang dikhususkan kepada Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam serta pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang telah kembali ke rahmatullah.

Diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an dari Surah Al-Hujurat ayat 6 hingga 10 yang dibacakan oleh johan qari Musabaqah Tilawah Al-Qur'an Di Antara Pegawai-Pegawai Masjid Senegara Ketujuh, Awang Mohammad Ramli bin Haji Ladis, manakala kesimpulan ayat tersebut pula disampaikan oleh

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; DYMM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkhiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyaksikan pameran ACPA 2014 (kiri), sementara gambar kiri sekali, warga Perkhidmatan Awam sama-sama hadir pada Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-21, 2014.

Pegawai Hal Ehwal Masjid dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Syamsul Nizam bin Haji Badar.

Majlis diteruskan dengan tayangan klip video penyertaan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) bagi Tahun 2014 dan diikuti dengan permakluman pemenang ACPA 2014 yang disembahkan oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Awang Aminudin bin Haji Buntar, selaku Pengerusi Panel Penilaian ACPA.

Pada majlis itu, baginda juga berkenan mengurniakan titah dan kemudiannya menyempurnakan penganugerahan kepada pemenang ACPA dan penerima-penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA), 2014.

Kebawah DYMM kemudian dijunjung menyaksikan pameran ACPA 2014 dan Pameran Pusat Kebangsaan E-Kerajaan yang bertujuan untuk mempromosi Portal Open Data (<http://data.gov.bn>) dan wajah baharu Portal e-darussalam (<http://www.gov.bn>) yang mula beroperasi pada hari Khamis, 27 Novem. 2014 bersempena dengan HPA.

Portal Open Data itu memberikan portal perkongsian data seperti statistik dan laporan untuk kegunaan orang ramai dan pihak swasta secara terbuka, manakala, e-darussalam adalah laman portal kebangsaan bagi kerajaan negara ini.

Sejurus selepas itu, baginda berkenan menandatangani plak Pameran HPA 2014.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda dijunjung untuk bergambar ramai dengan para pemenang ACPA dan para penerima APCPA, tahun 2014.

Terdahulu, Doa Selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Seterusnya, disusuli dengan permakluman para penerima APCPA yang disembahkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan bergambar ramai dengan para pemenang ACPA dan para penerima APCPA 2014 (atas), sementara gambar bawah, baginda berkenan menandatangani plak Pameran HPA 2014. Manakala gambar bawah kiri, keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dijunjung oleh Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.



Awang Jaini bin Haji Abdullah, selaku Pengerusi Jawatankuasa Penilaian APCPA.

Seramai 46 pegawai terdiri daripada Bahagian II, III, IV dan VI dari setiap kementerian yang telah di perkenankan menerima APCPA 2014 bertujuan untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang telah menunjukkan prestasi dan penghasilan kerja yang cemerlang serta mempunyai keberibadian yang tinggi.

Para pegawai berkenaan adalah pekerja yang boleh dicontohi oleh para pegawai kerajaan yang lain dan anugerah tersebut diharap akan menjadi pendorong dalam meningkatkan semangat bekerja serta produktiviti kerja yang lebih tinggi lagi berkualiti yang akan membawa ke arah Perkhidmatan Awam yang cemerlang.

Para penerima APCPA 2014

dalam Bahagian II masing-masing menerima piala, wang tunai BND2,000, sebidang kain tenunan dan sijil penghargaan, manakala Bahagian III hingga VI menerima piala, wang tunai BND1000 dan sijil penghargaan.

Kumpulan Geoportal Ukur dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan dipilih sebagai penerima Anugerah Emas ACPA 2014 bagi Kategori Kertas Projek bertajuk 'Survey Spatial Data Infrastructure' sekali gus menerima hadiah wang tunai sebanyak BND8,000, piala dan sijil penghargaan.

Anugerah Perak dimenangi oleh Kumpulan Sinar Cahaya dari Jabatan Psikiatri, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kementerian Kesihatan menerima wang tunai BND5,000, piala dan sijil penghargaan.

Sementara Kumpulan iCuaca

dari Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam, Kementerian Perhubungan dipilih sebagai pemenang Anugerah Gangsa dan menerima wang tunai BND3,000, piala dan sijil penghargaan.

Tiga penerima sughati bagi Kategori Kertas Projek ACPA 2014 masing-masing menerima wang tunai BND1000 dan sijil penghargaan dan tiga penerima sughati bagi Kategori Kertas Cadangan ACPA 2014 pula menerima BND500 dan sijil.

Tema HPA Ke-21 pada tahun ini ialah 'Urustadbir Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara' yang menitikberatkan betapa pentingnya Perkhidmatan Awam untuk mengamalkan urus tadbir yang bersifat dinamik, di mana sentiasa bersedia dan bersiap siaga dalam mengambil langkah yang proaktif, dapat disesuaikan terhadap pengubalan dunia dalam isu serantau, antarabangsa dan global.

# Amalkan urus tadbir dinamik, progresif

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 November. - Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) di Negara Brunei Darussalam adalah sambutan tahunan yang penting dan bermakna kepada semua warga Perkhidmatan Awam.

Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Yahya bin Haji Idris, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Ke-21,

Tahun 2014 dalam sembah alu-aluannya menyatakan, Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) mula diperkenalkan sejak tahun 1993.

Beliau menyebarkan perkara itu pada Majlis Sambutan HPA Ke-21, 2014 bertemakan 'Urustadbir Dinamik Ke arah Kesejahteraan Negara' berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas,

pagi tadi.

Katanya, tema tahun ini, menitikberatkan betapa pentingnya Perkhidmatan Awam untuk mengamalkan urus tadbir yang bersifat dinamik dan progresif, di samping menanamkan budaya pemikir dan peneraju urus tadbir negara agar sentiasa relevan dengan kehendak masa dengan mengamalkan amalan-amalan terbaik yang berlandaskan Al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah.

Seterusnya, beliau mewakili Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Ke-21 menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Yahya bin Haji Idris, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-21, Tahun 2014 ketika menyampaikan sembah alu-aluannya pada Majlis Sambutan HPA Ke-21, 2014 bertemakan 'Urustadbir Dinamik Ke arah Kesejahteraan Negara'.



atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan berkenan menyempurnakan pengurniaan ACPA dan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA).

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke majlis itu tambahnya, amat istimewa dan bermakna kepada setiap lapisan warga Perkhidmatan Awam Kerajaan Kebawah DYMM, khususnya bagi menghayati dan

menjunjung titah baginda yang akan menjadi wadah dan inspirasi kepada warga perkhidmatan itu dalam menghadapi cabaran-cabaran Perkhidmatan Awam masa kini dan akan datang.

Oleh itu, setiap peringkat pegawai dan kakitangan kerajaan menyebarkan ikrar penuh taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan kepimpinan baginda dengan tekad untuk sentiasa berusaha keras dalam melaksanakan dasar dan wawasan dengan cekap serta penuh dedikasi ke arah keberkesanan jentera pentadbiran kerajaan baginda.

ANTARA warga Perkhidmatan Awam yang hadir di Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) (kiri).

## Penerima APCPA 2014 lahirkan perasaan menjunjung kasih



AWANG Muhammad Suhaili bin Ali Ahmad@Liga, Pembantu Pejabat di Jabatan Daerah Brunei dan Muara berkata pengalaman dalam kursus yang diikuti telah banyak menambah ilmu pengetahuan dan Dayang Noor Serena@Fiona binti Haji Awang Omar, Pegawai Hal Ehwal Undang-Undang di Unit Korporat dan Perundangan, Pejabat Urusetia Timbalan Menteri Pertahanan ingin segala ilmu yang di miliknya akan di kongsi sama kepada pegawai-pegawai baru.



Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Azmah Haji Ahad

kepada pegawai baru yang berkhidmat selain merancang untuk memperbaiki mutu kerja dengan lebih baik lagi.

Bagi Awang Muhammad Suhaili bin Ali Ahmad @ Liga yang berkhidmat sebagai Pembantu Pejabat di Jabatan Daerah Brunei dan Muara pula menjelaskan telah banyak menjalani kursus-kursus di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) seperti Kursus Induksi.

Menurutnya, pengalaman dalam kursus yang diikuti telah banyak menambah ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, di samping berharap para generasi baharu yang akan berkhidmat di Perkhidmatan Awam akan menunjukkan ciri-ciri pekerja yang baik dan menjaga imej kerajaan. "Saya juga berharap para pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam akan mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam sesebuah jabatan," ujarnya.

Sementara Pembantu Pertanian Kanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Rukiah binti Bair yang berkhidmat selama 12 tahun di jabatan tersebut menyatakan, penglibatannya dalam perangkaan data-data pertanian telah banyak memberi beliau tunjuk ajar, di samping pengalaman yang sangat berguna.

Katanya, setiap tahun beliau terlibat dalam pembuatan buku perangkaan jabatannya untuk rujukan pegawai atasan dalam membuat Pelan

Strategik, di samping perancangan jabatan tersebut pada masa akan datang.

Beliau menyarankan para pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam agar sentiasa mempunyai inisiatif sendiri dan mematuhi segala arahan yang diberikan oleh pihak atasan.

Pembantu Pencetak Bahagian III di Jabatan Percetakan Kerajaan, Awang Abdul Rahman bin Haji Omar melahirkan keazamannya untuk memberikan pemikiran dan tenaga demi untuk mengembangkan serta melancarkan lagi sistem perancangan di jabatan berkenaan.



DAYANG Rukiah binti Bair, Pembantu Pertanian Kanan di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan menyatakan penglibatannya dalam perangkaan data-data pertanian telah banyak memberinya tunjuk ajar.

Beliau yang dianugerahkan Pingat Indah Kerja Lama (P.I.K.L) tahun lalu telah berkecimpung di dalam jabatan tersebut lebih kurang 27 tahun iaitu sejak tahun 1987.

Sepanjang berkhidmat tambahnya, beliau sering melibatkan diri dalam hal pengurusan jabatan selain memegang beberapa jawatan-jawatan tertentu dan bergiat aktif dalam sukan 'boling padang'.

"Alhamdulillah, saya panjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas keberkatan yang di limpahkan dalam pelaksanaan pekerjaan saya sehari-hari," ujarnya.



AWANG Abdul Rahman bin Haji Omar, Pembantu Percetakan di Jabatan Percetakan Kerajaan melahirkan keazamannya untuk memberikan pemikiran dan tenaga melancarkan lagi sistem perancangan di jabatan berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 November. - Para penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) 2014 melahirkan perasaan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas perkenan penganugerahan yang mereka terima pada Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-21 di

Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Menurut salah seorang penerima, Pegawai Hal Ehwal Undang-Undang dari Unit Korporat dan Perundangan, Pejabat Urusetia Timbalan Menteri di Kementerian Pertahanan, Dayang Noor Serena @ Fiona binti Haji Awang Omar berkata, segala ilmu yang dimilikinya akan dikongsi sama kepada pegawai-pegawai baru yang akan berkhidmat di Perkhidmatan Awam.

Menerusi pengalaman selama sembilan tahun berkhidmat di jabatan tersebut, beliau akan menunjuk ajar

# SEDEX: Platform terapkan kemahiran



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong meneliti produk yang dijual oleh para pelajar yang menyertai Ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar (SEDEX) 2014 Kali Ketiga.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 25 November. - Ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar (SEDEX) 2014 Kali Ketiga diadakan di keempat-empat daerah bermula 25 November hingga 27 November 2014.

Ekspo yang diadakan bersempena Sambutan Hari Guru Ke-24 Tahun 2014 dan 100 Tahun Pendidikan Formal Negara Brunei Darussalam itu dikendalikan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Pelancaran SEDEX di Daerah Brunei Muara, disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, berlangsung di Dewan

Riadah Pusat Belia, di sini.

Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Zulkifli bin Haji Muhammad Yusuf ketika menyampaikan ucapan alu-aluannya berkata, penyertaan sekolah-sekolah rendah, menengah, pendidikan teknikal dan vokasional, dan institusi pengajian tinggi adalah sangat menggalakkan.

Dalam menempuh pelbagai cabaran global abad ini jelasnya, Sistem Pendidikan Negara SPN21 telah menyediakan platform yang kukuh antaranya penerapan kemahiran keusahawanan daripada peringkat rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi dalam kurikulum.

Oleh itu, pembudayaan keusahawanan tambahnya dikenalpasti sebagai wadah terbaik bagi melahirkan

modal insan yang kreatif dan inovatif serta berdaya saing di peringkat antarabangsa dan pelajar-pelajar ini diharapkan akan dapat memainkan peranan penting dalam merangsang perubahan negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan.

Menurutnya, pendidikan asas keusahawanan yang dijalankan di sekolah memberi penekanan kepada nilai murni dan semangat patriotik bagi menyedarkan pelajar akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warga negara maju dan masyarakat berilmu.

Keusahawanan ujar beliau juga mengajar seseorang itu supaya

bersedia mengenal pasti dan merebut peluang yang terdapat dalam persekitarannya, menterjemahkan idea dalam bentuk realiti atau sesuatu kegiatan ekonomi, di samping bertahan dan peka dengan perubahan dan ketidakpastian.

"Melalui bidang keusahawanan ini juga akan membentuk diri pelajar mempunyai sifat-sifat kepimpinan, kreatif, berkeyakinan dan mempunyai hubungan jalin, berinisiatif dan berkepercayaan menganalisa," jelasnya.

Ekspo tahun ini disertai oleh 40 buah sekolah dari Daerah Brunei Muara, 33 buah sekolah dari Daerah Tutong, 22 buah dari Daerah Belait dan 12 buah sekolah dari Daerah Temburong.

Ekspo SEDEX kali ini mempamerkan dan mempromosikan hasil produk para pelajar dari sekolah rendah, menengah, pusat tingkatan enam, sekolah swasta serta institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional manakala produk-produk yang akan dipromosikan adalah termasuk lukisan, kraf tangan, reka cipta, makanan sihat dan sebagainya.

Di Daerah Brunei Muara, ekspo dibukakan bagi kunjungan orang ramai selama tiga hari (25 - 27 November) bermula jam 9 pagi hingga 5.00 petang.

Antara tujuan ekspo ini ialah bagi memupuk semangat para pelajar supaya berdisiplin dan bekerja secara berpasukan dan memberikan penghargaan terhadap hasil atau produk yang berkualiti tinggi sekali gus boleh diketengahkan.

Selain itu, ia juga bagi memberikan penghargaan dan sokongan terhadap hasil daya kreatif para pelajar dan memupuk kefahaman dan kesedaran

tentang kepentingan sumber kewangan, pengurusan kewangan, keusahawanan dan kesan keusahawanan kepada kehidupan seharian serta mengadakan rangkaian global (*networking*) bersama pelajar di sekolah-sekolah lain supaya dapat bertukar-tukar fikiran, berkongsi pengalaman dan sebagainya.

Ekspo tersebut merupakan salah satu daripada program keusahawanan yang diperkenalkan dan juga kesinambungan daripada acara yang telah diadakan pada tahun 2012 dan 2013.

Dengan menyediakan peluang pembelajaran keusahawanan melalui pengalaman daripada ekspo ini sekali gus akan menarik minat pelajar terhadap bidang keusahawanan dan seterusnya dapat mencungkil bakat pelajar untuk menghasilkan idea-idea kreatif yang mempunyai nilai komersial yang dapat dipasarkan.

Kementerian Pendidikan berharap melalui program SEDEX ini akan dapat memberikan kesan positif terhadap pembangunan modal insan yang berguna dan memupuk minat pelajar-pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan.

Di samping itu, pelajar-pelajar akan memperoleh kemahiran berkomunikasi dengan orang ramai dan mempunyai sifat-sifat kompetensi seperti berinisiatif, berkeyakinan, komited dan dapat meyakinkan orang lain.

Penyertaan sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan dalam menjayakan ekspo ini mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan dari keempat-empat daerah.

## Asah bakat pelajar bidang keusahawanan

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hamzah Mohiddin

**TUTONG**, Selasa, 25 November. - Pengarah Kenaziran Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Tan Lian Lian berharap agar Ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar (Student Entrepreneurship Development Expo - SEDEX) akan dapat memberi peluang kepada para pelajar berkomunikasi dengan orang ramai dan mengasah bakat mereka untuk meneroka pengalaman sebenar dalam bidang keusahawanan.

Selain itu katanya, SEDEX juga diharap akan dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar-pelajar, menanamkan sifat kompetensi, komited dan berkolaborasi dengan pihak yang berkepentingan secara lebih proaktif dan inovatif.

Beliau menyatakan demikian semasa berucap selaku Pengerusi Majlis pelancaran SEDEX 2014 bagi Daerah Tutong, berlangsung di Central Mall, di sini.

Ekspo yang diadakan buat kali ketiga ini disempenakan dengan sambutan Hari Guru ke-24 bagi tahun 2014.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pelancaran ekspo berkenaan ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Sejurus selepas itu, tetamu kehormat dipelawa melawat ke petak-petak jualan SEDEX 2014 secara lebih dekat lagi dan berpeluang berinteraksi dengan para peserta SEDEX tersebut.

Terdapat lebih 20 petak jualan dalam ekspo kali ini yang disertai oleh

pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah dan Pusat Tingkatan Enam (PTE) termasuk sekolah swasta.

Ekspo tersebut turut mempamerkan dan mempromosikan hasil produk pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah, PTE, sekolah swasta serta institusi-institusi pendidikan teknik dan vokasional.

Antara produk-produk yang dipromosikan dalam ekspo yang dibukakan selama dua hari bermula hari ini (sehingga jam 6.00 petang) itu, termasuk lukisan, kraftangan, reka cipta dan makanan sihat.

SEDEX berperanan menentengahkan dan memperlihatkan kemahiran kreativiti dan inovatif pelajar-pelajar di dalam menghasilkan produk-produk ciptaan mereka sendiri.

Melalui ekspo SEDEX ini orang ramai juga berpeluang melihat sendiri hasil produk ciptaan pelajar-pelajar berkenaan dan seterusnya memberikan sokongan dan dorongan kepada mereka untuk terus bersemangat dan maju di masa akan datang.

Ekspo tersebut bertujuan bagi memberikan penghargaan terhadap hasil daya kreatif pelajar-pelajar, di samping memberikan perangsang kepada mereka untuk lebih tekun belajar dan meningkatkan daya kreativiti mereka.

Secara rasional pula, SEDEX diadakan sebagai acara tahunan kerana ianya dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar memperlihatkan hasil pembelajaran mereka di sekolah di sepanjang tahun melalui program-program tertentu yang menjurus



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menyaksikan produk jualan para pelajar yang menyertai Ekspo Pembangunan Keusahawanan Pelajar bagi Daerah Tutong.

kepada pembangunan keusahawanan.

Peranan pihak sekolah dalam mengembangkan minat para pelajar di bidang keusahawanan adalah amat penting dengan memberikan pendedahan dan menyediakan peluang pembelajaran keusahawanan melalui pengalaman yang sebenar.

Sekiranya para pelajar diberi peluang untuk mengaplikasikan kemahiran mereka di bidang berkenaan, secara tidak langsung akan

menarik minat mereka untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya mereka kelak.

Malahan melalui ekspo SEDEX ini, para pelajar juga berpeluang untuk membuktikan kebolehan mereka dalam menghasilkan idea-idea kreatif dan inovatif yang mempunyai nilai komersial dan dapat dipasarkan kepada umum.

Oleh yang demikian, pihak sekolah adalah bertanggungjawab sebagai

pembimbing untuk melahirkan para pelajar yang berfikir kreatif dan inovatif.

Juga hadir, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara Daerah Tutong; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan; Pegawai Daerah Tutong, pegawai-pegawai kanan, pengetua-pengetua, guru-guru besar, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.

# Pelajar cemerlang SM YSHHB terima penghargaan

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 November. - Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) telah mengadakan Majlis Penyampaian Penghargaan Akademik dan Ko-Kurikulum 2014, bertempat di Dewan Serbaguna SM YSHHB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan penghargaan kepada para pelajar ialah Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Ibrahim bin Haji

Ismail.

Berangkat di majlis tersebut ialah anakanda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammad Al-Moktar bin Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Di antara penerima ialah cucunda YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna iaitu Pengiran

Nur' Azeezah binti Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammad Al-Moktar, yang menerima penghargaan dalam mata pelajaran Matematik Terbaik bagi Tahun 8 dan tempat kedua dalam kelas bagi Tahun 8 Alpha.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya bacaan Surah Al Faatihah.

Terdahulu Pemangku Pengetua SM YSHHB, Dayang Siew Kuan Keasberry dalam ucapan alu-aluannya berkata, tujuan majlis tersebut diadakan adalah untuk meraikan dan mengiktiraf pencapaian para pelajar yang telah berjaya menamatkan pelajaran akademik bagi tahun 2014.

Penganugerahan itu juga jelasnya, bukan saja diberikan kepada para pelajar yang cemerlang dalam pelajaran akademik tetapi juga yang terbaik dalam melakukan aktiviti-aktiviti sekolah.

Menurutnya lagi penganugerahan itu terbahagi kepada dua kategori iaitu anugerah akademik dan bukan akademik (academic and non-academic awards) yang mana anugerah bukan akademik diberikan kepada para pelajar yang mempunyai 100 peratus kehadiran dan ketepatan masa, pembaca terbaik bagi pelajar Tahun 7 dan 8, pelajar terbaik dalam setiap aktiviti ko-kurikulum (CCA) dan pelajar terbaik keseluruhan lelaki dan perempuan dalam CCA.

Tujuan penganugerahan pelajar dengan kehadiran penuh dan ketepatan masa ujarnya, adalah untuk menggalakkan dan memupuk kepentingan menghadiri sekolah dengan kerap dan menepati masa.

Anugerah akademik pula katanya, diberikan kepada para pelajar yang mendapat markah yang paling tinggi



**YANG Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammad Al-Moktar bin Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz** ketika berangkat di Majlis Penyampaian Penghargaan Akademik dan Ko-Kurikulum 2014 (atas), sementara gambar bawah, Pengiran Nur' Azeezah binti Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammad Al-Moktar menerima sijil penghargaan daripada Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail yang juga selaku tetamu kehormat.



dalam setiap mata pelajaran, mendapatkan tiga kedudukan teratas dalam kelas dan pelajar teratas dalam setiap peringkat.

Majlis diserikan dengan tayangan

klip video 'The Dynamics of Sekolah Menengah YSHHB III' dan persembahan-persembahan tarian tradisi Brunei dan Korea serta drama muzikal.

## Brunei komited melaksanakan projek ASEAN-COCI



**TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd Samad** (kiri), selaku Pengerusi Kebangsaan ASEAN-COCI Negara Brunei Darussalam semasa menyerahkan cenderahati kepada Menteri Penerangan, Kemboja, Tuan Yang Terutama Dr. Khieu Kanharith (kanan).

**KEMBOJA**. - Mesyuarat Ke 49, Komiti ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (49th Meeting of the ASEAN Committee on Culture and Information - ASEAN COCI) diadakan pada 26 dan 27 November 2014, di sini, selepas Mesyuarat-mesyuarat Sub-Komiti Kebudayaan dan Sub-Komiti Penerangan berjalan serentak pada 25 November lepas.

Pembukaan Rasmi Mesyuarat disempurnakan oleh Menteri Penerangan, Kemboja, Tuan Yang Terutama Dr. Khieu Kanharith, sementara Mesyuarat ASEAN-COCI dipengerusikan oleh Pengerusi Kebangsaan ASEAN-COCI Kemboja, Tuan Has Sam Ath.

Aturcara pembukaan rasmi Mesyuarat termasuk penganugerahan hadiah kepada pemenang 'Asiavision Award for Annual Outstanding TV News' kepada 'National Television of Cambodia' disampaikan oleh TYT Dr. Khieu Kanharith.

ASEAN Television News merupakan projek yang dicadangkan oleh Negara Brunei Darussalam pada tahun 1998 sebagai salah satu projek tahunan ASEAN-COCI.

Mesyuarat ASEAN-COCI telah mempertimbangkan cadangan-cadangan projek bagi tahun kewangan 2015 bagi kedua-dua sub-komiti.

Negara Brunei Darussalam telah menyetujui projek-projek 'ASEAN Festival: Celebrating Rice as a Cultural Heritage' daripada Sub-Komiti Kebudayaan sementara 'ASEAN TV News Year XXI' dan 'A Project for ASEAN Digital Broadcasting' daripada sub Komiti Penerangan.

Selain itu juga Negara Brunei Darussalam turut menerima sokongan kesemua negara ahli ASEAN bagi meneruskan projek ASEAN in Action (AiA) yang telah dicadangkan untuk penjenamaan (*rebrand*) kepada Voice of ASEAN - Beyond Boundaries dan berjaya mendapat sejumlah peruntukan bagi tahun 2015.

Projek-projek yang dipertimbangkan dan projek-projek yang telah dilaksanakan pada tahun kewangan 2014 dijangka akan terus meneruskan memperlihatkan komitmen Negara Brunei Darussalam dalam mendukung aspirasi ASEAN ke arah Komuniti ASEAN pada tahun 2015 melalui cabang Kebudayaan dan Penerangan.

Delegasi Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat tersebut diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abd Samad, selaku Pengerusi Kebangsaan ASEAN-COCI Negara Brunei Darussalam dan disertai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, selaku Pengerusi Sub-Komiti Penerangan; Pemangku Penolong Pengarah (Kebudayaan dan Kesenian), KKBS, Awang Haji Mohammad Abdoh bin Haji Awang Damit, selaku Timbalan Pengerusi Sub-Komiti Kebudayaan; pegawai-pegawai KKBS; Jabatan Radio dan Televisyen Brunei; Jabatan Penerangan; dan Jabatan Muzium-Muzium.

ASEAN-COCI mempunyai *website* yang boleh diakses melalui <http://cultureandinformation.asean.org> untuk orang ramai mendapatkan sebanyak mungkin maklumat mengenai aktiviti ASEAN-COCI selaras tujuan portal yang dilancarkan pada bulan Februari 2014 untuk memahamkan masyarakat ASEAN mengenai gabungan rantau ASEAN.

## JASTRe anjur 'Car Boot Sale'

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



**PARA pegawai Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan semasa mengendalikan sidang media mengenai penganjuran aktiviti penjualan secara 'Car Boot Sale' untuk orang ramai di Pantai Serasa.**

dibuang begitu sahaja kerana ia masih boleh dipakai dan dimanfaatkan oleh orang-orang yang memerlukan dengan bayaran yang murah, di samping memperkenalkan pelbagai jenis jualan lain seperti makanan dan minuman," ujar Pegawai Alam Sekitar tersebut.

Tambahnya, aktiviti penjualan secara 'Car Boot Sale' ini juga akan dapat memberi peluang kepada penaja-penaja terutama di luar kawasan Pantai Serasa untuk ikut serta dalam aktiviti tersebut dan seterusnya dapat membudayakan sistem berjaja yang teratur dan selamat.

Beliau berharap aktiviti tersebut akan mendapat sambutan yang baik daripada penduduk persekitaran Pantai Serasa khususnya dan orang ramai amnya serta dapat menajana perekonomian penaja-penaja secara kecil-kecilan di negara ini, di samping mengingatkan para penaja supaya akan dapat memberikan kerjasama yang padu dalam memelihara kebersihan tapak jualan.

"Penaja supaya tidak dibenarkan

sama sekali untuk menjual binatang hidup sama ada binatang peliharaan atau binatang liar, jualan jenis mentah seperti ayam, daging, ikan, sotong, udang dan sebagainya serta lain-lain produk yang terlarang menurut undang-undang negara," tegasnya.

Pada aktiviti tersebut, sebanyak 32 buah petak telah disediakan dan setiap penggunaan petak akan dikenakan bayaran sebanyak BND2 bagi tempoh selama 12 jam berjaja (dari pukul 6 pagi sehingga 6 petang).

Setiap pemohon / penaja dikehendaki untuk mengisi Borang Pendaftaran penjualan 'Car Boot Sale' yang boleh diperolehi dari JASTRe, Kementerian Pembangunan, Tingkat Dua, Bangunan Tumasek Plaza, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam seminggu sebelum aktiviti 'Car Boot Sale' dimulakan.

Sebarang maklumat yang berhubung kait dengannya akan dimaklumkan semasa pendaftaran dibuat.

# Pendidikan suluh kehidupan

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Masri Osman

Ke-65 Tahun, dalam titah baginda menegaskan pendidikan mestilah dilihat dengan serius, bukan oleh kalangan dalam pendidikan saja malah juga oleh setiap individu, kerana ianya adalah menyangkut soal 'survival' bangsa dan masa depan.

Dalam titah baginda lagi, memandangkan pendidikan adalah suluh kepada kehidupan maka ia mestilah dimartabatkan sebagai kepentingan kebangsaan yang perlu diisi. Caranya ialah dengan menyediakan kurikulum yang mempunyai objektif mewujudkan budaya pendidikan sepanjang hayat, supaya ia benar-benar melahirkan masyarakat Brunei yang berilmu pada semua peringkat umur.

Menyentuh mengenai perkara tersebut di Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Pendidikan Guru 2014 yang berlangsung di The Empire Hotel and Country Club, di sini ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman ketika berucap pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Pendidikan Guru 2014 (ICOTE 2014) di Empire Hotel and Country Club.

JERUDONG, Isnin, 24 November. - Negara Brunei Darussalam begitu serius dalam memberikan pendidikan yang berkualiti kepada rakyat dan penduduk bagi mencapai kehidupan yang lebih baik dan sempurna dan bagi ketahanan bangsa, agama dan negara.

Sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda

perasmiannya menjelaskan, persidangan ini sememangnya penting diadakan bagi menangani isu-isu pendidikan masa kini, di mana kebanyakan negara sedang berusaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan masing-masing.

Memandangkan betapa pentingnya pendidikan itu terang Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan peruntukan yang begitu besar bagi membangunkan pendidikan bercorak umum dan agama di negara ini.

"Keseimbangan antara keduanya akan melahirkan modal insan calak Brunei yang mempunyai jati diri, dan insyaaAllah akan menjamin kesejahteraan, kemajuan, kemakmuran dan keharmonian masa depan negara," ujarnya lagi.

Melihat kepada tema persidangan ini iaitu 'Pendidikan Guru Dalam Perspektif Islam' tambah Yang Berhormat lagi, maka bertepatanlah persidangan ini dikendalikan oleh Kolej Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB) yang objektifnya untuk melahirkan guru-guru agama dan guru-guru umum yang beribawa dalam bidang pendidikan Islam khususnya supaya guru-guru agama dan guru-guru umum itu dapat memainkan peranannya sebagai muallim, murabbi dan daie.

Apa yang menarik lagi di dalam Islam, jasa atau ilmu yang dicurahkan

oleh seorang guru itu baik ia mengajarkan ilmu ukhrawi atau duniawi asalkan ada manfaatnya kepada manusia maka ia tidak akan sia-sia, tidak akan hilang begitu sahaja akan tetapi diambil kira dan dihitung oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk diberikan ganjaran dan balasan yang setimpal di akhirat kelak.

Walaupun matlamat untuk melahirkan guru yang berilmu, efisien, beribawa dan bijaksana adalah sama-sama ingin dituju oleh semua bangsa, masyarakat dan negara di dunia ini, namun dari perspektif Islam ada terdapat perbezaan pada matlamat tersebut.

Maka kerana itulah didapati banyak orientalis yang berilmu tentang Islam, tetapi mengajarkannya hanya sebagai ilmu, tanpa keyakinan dan keimanan, dalam kata lain matlamat melahirkan guru itu dalam Islam bukan sahaja untuk memenuhi keperluan duniawi tetapi juga keperluan ukhrawi.

Memandangkan Islam menggariskan bahawa konsep pembentukan sahsiah seseorang insan yang sempurna itu adalah dilihat dari tiga aspek iaitu syariahnya, akidahnya dan akhlakunya.

Maka konsep ini terang Yang Berhormat juga terpakai kepada seorang guru, di mana mereka bukan sahaja mengajarkan ilmunya sama ada ilmu-ilmu umum atau ilmu agama,

lebih dari itu mereka juga akan menjadi contoh dan ikutan anak didiknya dari segi etika, akhlak dan kelakuan.

Oleh itu, seorang guru Muslim perlu menghis diri dengan peribadi dan sahsiah yang murni dan unggul kerana mereka akan menjadi contoh teladan kepada anak didiknya, malah juga menjadi contoh teladan kepada masyarakat sekelilingnya.

"Seorang yang bakal menjadi guru bukan sahaja perlu berilmu dalam bidang yang diajarnya dengan mendalam, tetapi juga perlu mengetahui teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran terbaik yang konvensional," jelas Yang Berhormat.

Dalam hal itu, guru-guru Muslim khususnya yang mengajarkan ilmu-ilmu Islam, mereka itu di samping mengetahui teknik tradisional seperti menghafaz Al-Qur'an, bertalaqqi, bertasmi' dan berhalaqat, juga perlu mengetahui teknik konvensional yang moden itu dengan mengadopsi dan mengadaptasi mana-mana yang sesuai ke dalam pendidikan Islam.

Tambah Yang Berhormat lagi, mengakhiri ucapannya dengan teknik-teknik dan metodologi tradisional dan moden perlu bergabung atau digabungkan dalam pendidikan Islam demi untuk mencapai hasil yang maksima dalam pendidikan tersebut.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman ketika berucap pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Pendidikan Guru 2014 (ICOTE 2014) di Empire Hotel and Country Club.

JERUDONG, Isnin, 24 November. - Negara Brunei Darussalam begitu serius dalam memberikan pendidikan yang berkualiti kepada rakyat dan penduduk bagi mencapai kehidupan yang lebih baik dan sempurna dan bagi ketahanan bangsa, agama dan negara.

Sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda

## Sistem pembelajaran mesti didasari pendidikan Islam

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Masri Osman

JERUDONG, Isnin, 24 November. - Di Negara Brunei Darussalam apa pun sistem yang digunakan di peringkat mana pun pembelajarannya iaitu bermula dari peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi termasuk pendidikan teknikal dan vokasional maka ia mestilah didasari oleh pendidikan Islam yang berteraskan kepada ilmu wahyu iaitu Al-Qur'an dan Al-Hadith.

Profesion keguruan memerlukan asas pengetahuan yang luas mengenai sesuatu bidang ilmu dan juga memerlukan latihan dan kemahiran dalam menjalankan amalan pengajaran dan persekitaran masalah pembelajaran-pengajaran adalah berbagai-bagai dan amat rumit untuk menyelesaikannya menurut kebiasaan.

Oleh itu, para guru perlu menggunakan kebijaksanaan berdasarkan pengalaman peribadinya dan ilmu pengetahuan yang dimilikinya untuk menyelesaikan masalah pembelajaran / pengajaran dalam konteks yang berlainan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail menekankan perkara itu dalam pembentangan kertas perdana pada Persidangan Antarabangsa Pendidikan Guru 2014 (ICOTE 2014) yang berlangsung di The Empire Hotel and Country Club.

Terangnya, sesuai dengan tema persidangan 'Pendidikan Guru Dalam Perspektif Islam', maka pendidikan guru hendaklah berasaskan perspektif Islam maka perbincangan mengenainya mestilah berasaskan kepada sumber ilmu wahyu iaitu Al-Qur'an dan Al-Hadith, di mana dua sumber ini adalah disepakati penggunaannya oleh sekalian ulama sebagai sumber hukum utama dalam syariat Islam.

Dalam pembentangan kertas perdananya, Yang Mulia Dato Seri Setia menerangkan mengenai Al-Qur'an dan Al-Hadith yang merupakan dasar hukum yang bersumberkan wahyu dari Allah Subhanahu Wata'ala dan Al-Quran



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Ismail semasa membentangkan Kertas Perdananya pada Persidangan Antarabangsa Pendidikan Guru 2014.

dianggap sebagai dasar yang pertama dan Al-Hadith pula sebagai dasar yang kedua.

Al-Qur'an secara literal bermaksud kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui Malaikat Jibrail secara tawatur dalam bahasa Arab dan membacanya dikira sebagai ibadah.

Proses menjadikan Al-Qur'an sebagai sumber ilmu adalah satu proses yang amat bersistematik, bermula dari tradisi hafazan, amalan, penulisan hinggalah dikumpulkan sebagai sebuah kitab, semuanya dilakukan dengan teliti sehingga terhasilnya sebuah mushaf yang disepakati.

Selain itu, Al-Qur'an adalah asas bagi Hadith, segala yang diterangkan oleh Hadis ada asalnya dalam Al-Qur'an dan hal ini jelas dibuktikan oleh ayat-ayat Al-Qur'an yang menegaskan bahawa Al-Qur'an itu cukup sempurna kandungannya lagi lengkap isinya.

Al-Hadith pula ialah segala perkara yang disandarkan kepada perkataan, perbuatan dan pengakuan (taqrir) Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dan Hadith merupakan sumber hukum kedua selepas Al-Qur'an yang disepakati oleh sekalian ulama.

Ita merupakan wahyu Allah kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam bentuk maknanya daripada Allah Subhanahu Wata'ala, manakala lafaznya daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hadith dikategorikan kepada tiga iaitu Hadith Qauli (perkataan); Hadith Fi'li (perbuatan) dan Hadith Taqriri (pengakuan).

Matlamat Hadith adalah memberi penekanan terhadap soal-soal kehidupan berakhlak serta mengatur kehidupan manusia sejajar dengan akhlak Islam, dan hadith-hadith Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangat menitikberatkan persoalan yang menyentuh hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan bermasyarakat, pendidikan akhlak dan cara perhubungan antara manusia dengan peribadinya dan hubungan antara manusia dengan manusia dan lain-lain lagi.

Yang Mulia Dato Seri Setia juga turut menerangkan serba sedikit mengenai ilmu, antaranya beliau menerangkan definisi ilmu yang ditakrifkan sebagai sejenis pengetahuan, tetapi bukan sebarang pengetahuan, melainkan pengetahuan yang diperoleh dengan cara-cara tertentu berdasarkan kepada kesepakatan di antara para ilmuwan.

Terdapat tiga peringkat dalam konsep ilmu iaitu 1) Konsep berfikir yang merupakan asas dalam perkembangan ilmu; 2) Hasil dan penemuan saintifik, dalam peringkat ini fakta-fakta, formula-formula dan hukum-hukum akan dicipta oleh para ilmuwan; dan 3) Penggunaan ilmu.

Kalimat ilmu atau yang sama erti dengannya iaitu kalimah-kalimah yang menyeru kepada kefahaman yang mendalam, pemerhatian, peringatan dan penggunaan akal fikiran merupakan lafaz yang banyak disebut di dalam Al-Qur'an selepas lafaz ketuhanan dan nama-nama Allah Yang Maha Indah.

Adalah penting kepada umat manusia mempunyai kesedaran yang sangat tinggi bahawa ilmu yang ada padanya adalah terbatas dan dia tidak mungkin mengetahui semua perkara, adanya bidang-bidang di mana jangkauan pengetahuan manusia adalah terbatas.

Menyentuh mengenai pendidikan

pula, menurut Yang Mulia Dato Seri Setia, pendidikan adalah satu institusi yang amat penting dalam penyambungan, penerusan dan 'survival' mana-mana masyarakat.

Institusi ini digunakan sebagai alat oleh sesebuah masyarakat itu dengan matlamat yang tertentu dan kepada pemerintah, pendidikan adalah sebuah institusi yang menyediakan guna tenaga kepada negara.

Pendidikan ditakrifkan sebagai satu kegiatan yang berfaedah ditujukan kepada perkembangan insan sepenuhnya, dan pendidikan adalah sumber pertumbuhan yang seimbang terhadap sahsiah yang sempurna melalui latihan rohani, intelek, dan diri manusia yang rasional.

Selain itu, pendidikan hendaklah meliputi perkembangan manusia perseorangan dan kelompok dalam semua aspek: rohani, akal, daya fikir (imajinasi), jasmani dan selain dapat merangsang semua aspek ke arah kebaikan dan pencapaian kesempurnaan.

Agama Islam memberikan satu norma yang objektif bagi semua pendidik iaitu dengan adanya 'Pendidikan Islam' iaitu satu pendidikan yang melatih perasaan halus pelajar dalam sikapnya terhadap kehidupan, tindakan, keputusan dan pendekatan kepada semua jenis ilmu pengetahuan, ditentukan oleh nilai pengetahuan dan nilai etika Islam yang mendalam.

Objetif utama di dalam pendidikan Islam ialah tuntutan untuk melahirkan insan yang baik dan beriman supaya mereka akan menerajui corak kehidupan yang sejahtera dan berjaya di atas muka bumi ini serta mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan di akhirat nanti.

Antara ciri-ciri penting dalam kurikulum pendidikan Islam ialah Mewujudkan keperibadian bersepadu dan menyediakan individu untuk setiap aspek kehidupan; Menumpukan keperluan kepada keperluan rohani dan kepentingan individu; Bertujuan menanamkan kepercayaan dalam pemikiran dan hati generasi muda, pemulihan akhlak dan membangunkan jiwa rohani.

Selain itu, antara ciri lain ialah Memerlukan suasana rohani yang diwujudkan antara guru dan murid; Menekankan kepentingan rancangan

latihan guru yang baik; Mematuhi prinsip pendidikan Islam yang ketat; Membantu individu memperoleh sifat ulama; dan Menekankan nilai dan keikhlasan manusia dalam bekerja kerana Allah.

Menyentuh mengenai falsafah pendidikan Islam pula menjurus ke arah pembangunan dalam empat aspek yang utama iaitu Menjadikan Al-Qur'an dan Sunnah sebagai dasar dalam pembelajaran seumur hidup; Membentuk umat Islam menjadi hamba Allah yang mahir, berkeperibadian tinggi; Membentuk umat Islam yang bertanggungjawab dan membentuk insan soleh.

Dalam perkara guru pula, Yang Mulia Dato Seri Setia menerangkan guru adalah unsur penting dalam dunia pendidikan dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap keberkesanan sesuatu pendidikan, dan keperibadian dan amalan pengajaran guru mempunyai pengaruh yang besar kepada minda dan jiwa pelajar.

Pendidik mesti memiliki beberapa kualiti asas sebelum melakukan proses pendidikan supaya matlamat pendidikan dapat dicapai antaranya pendidik mesti mempunyai kekuatan ilmu; Memiliki kualiti diri yang boleh dicontohi; Mempunyai kaedah penyampaian atau metodologi yang berkesan; Dapat menerapkan nilai-nilai murni; Harus kreatif dan proaktif dalam mengolah dan menyampaikan ilmu; Sentiasa memahami cabaran sezaman dan karenah lingkungan; dan Berkeupayaan mewujudkan suasana kondusif ketika proses pendidikan berlaku.

Namun pendidik juga guru hendaklah mempunyai sifat yang terbaik dan terpuji dan menghindarkan diri dari mempunyai sifat-sifat yang tidak menyenangkan, jika sifat ini ada maka guru hendaklah berusaha memperbaiki keadaan dirinya supaya dapat menjadi pembimbing yang berkesan.

Sebagai penutup, Yang Mulia Dato Seri Setia menekankan mengenai pendidikan Islam yang sangat penting bagi melahirkan modal insan yang diperlukan oleh negara dan ummah yang berupaya menentukan hala tuju dan menghadapi arus perubahan serta mampu membentuk dan melahirkan generasi yang memiliki kekuatan akidah dan akhlak.

# Integrasi sosial jejas keaslian warisan budaya



ANGGOTA-ANGGOTA B2K dalam sesi bergambar ramai bersama Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Ahad, 23 November. - Integrasi sosial sedikit sebanyak boleh menjejaskan keaslian warisan budaya masyarakat apatah lagi jika budaya itu mempunyai persamaan dengan budaya yang lain.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali berkata, salah satu platform bagi mengekalkan palak asli kebudayaan masyarakat melalui program-program yang lebih terancang dan penulisan-

penulisan berbentuk pembelajaran dan boleh menjadi bahan rujukan mana-mana pihak dan institusi pendidikan.

Berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran sempena memperingati 10 Tahun Penubuhan Badan Kesenian dan Kebudayaan Daerah Tutong (B2K), beliau menambah, usaha kerjasama Majlis Perundingan Kampung Tanjung Maya dengan B2K mengwujudkan Lamin

Sastera dan Lamin Warisan adalah langkah yang wajar dan bertepatan dengan aspirasi penubuhan B2K Daerah Tutong ini.

"Semua usaha ini tidak akan dapat bertahan lama jika ia tidak disokong bersama oleh masyarakat khususnya dalam kalangan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Lebih-lebih lagi jika usaha-usaha ini dikaitkan dengan aktiviti yang menjurus kepada meningkatkan sosio ekonomi penduduk kampung," ujar beliau pada majlis yang berlangsung di Halim Plaza.

Dalam erti kata lain tambahnya,

melalui usaha padu yang mantap boleh mengadakan program-program yang bukan saja boleh memberi pulangan seperti peluang-peluang pekerjaan malah juga sebagai memartabatkan masyarakat berkenaan yang menjurus kepada nilai-nilai perpaduan, kekitaan dan semangat bergotong-royong yang sememangnya menjadi amalan kehidupan orang kitani.

Beliau seterusnya berkata, usaha perekonomian melalui penyediaan perkhidmatan bas adalah inisiatif yang tepat dalam menjana ekonomi B2K, dan ini boleh dikembangkan lagi melalui perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan seperti membawa pelancong-pelancong yang berkunjung ke mukim-mukim dan kampung-kampung di daerah ini, yang mana ini memerlukan urus tadbir yang baik dan dinamik serta memerlukan penglibatan aktif semua peringkat masyarakat.

B2K kini mencapai usianya ke-10 tahun sejak penubuhannya pada 1 Julai 2004.

Bermula daripada tarikh tersebut, banyak perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai oleh B2K Daerah Tutong, baik dari segi kegiatannya dalam bidang kebudayaan dan kesenian, termasuk kesusasteraan bahasa, kajian ilmiah serta menerbitkan buku-buku Antalogi Puisi sehingga kemampuan untuk membeli



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali menyampaikan ucapan.

sebuah bas sewa khas.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata kepada ahli-ahli B2K antaranya pengasas utama, pengasas penubuhan, Ahli Jawatankuasa Tadbir B2K 2004 dan anugerah khas.

Sejak didaftarkan secara rasminya, keahlian B2K sehingga kini mencapai lebih 100 orang, yang mana jawatan Yang Di-Pertua B2K ketika ini dipegang oleh Awang Haji Yahya bin Bendahari Haji Ghafar, manakala Timbalan Yang Di-Pertua B2K ialah Awang Haji Md. Zain bin Tengah.

# Institusi keluarga penting dalam kehidupan



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Ihsan Brunei Times

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 November. - Majlis Perundingan Kampung Kawasan 1 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid RPN Mentiri serta anggota Bomba dan Penyelamat Cawangan Mentiri hari ini mengadakan Sambutan Hari Keluarga Ke-2.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Mentiri, di sini ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad

PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Sunadi bin Haji Buntar ketika menyertai acara senamrobik beramai-ramai pada Sambutan Hari Keluarga Ke-2 Majlis Perundingan Kampung Kawasan 1 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri bersama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid RPN Mentiri serta anggota Bomba dan Penyelamat Cawangan Mentiri.

Sunadi bin Haji Buntar.

Acara bermula dengan senamrobik beramai-ramai diikuti dengan aktiviti-aktiviti perlawanan berbentuk institusi kekeluargaan.

Sementara itu, Ketua Kampung Kawasan 1 RPN Mentiri, Pengiran Haji Aliuddin bin Pengiran Haji Damit dalam ucapannya menjelaskan, majlis tersebut diungkuhkan buat pertama kali pada tahun 2012 dan pada tahun ini merupakan kali kedua.

Menurutnya, matlamat utama acara diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya institusi kekeluargaan dalam kehidupan yang penuh dengan cabaran kerana kadang kala tidak ada kemesraan antara anak-anak dan ibu bapa.

Beliau menambah, aktiviti-aktiviti yang diadakan pada sambutan itu juga menjurus kepada pendidikan seperti peraduan tulisan Jawi, mewarna, memakai tudung dan sebagainya.

# Brunei, Malaysia dan Singapura teruskan kerjasama PA



SEBAHAGIAN daripada peserta Program Pembangunan Kepimpinan Ke-6 antara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura ketika menjalani program.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 November. - Program Pembangunan Kepimpinan Kali Ke-6 antara Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura menumpukan peluang kerjasama bagi ketiga-tiga belah pihak selain membincangkan mengenai kajian isu berkaitan sistem Perkhidmatan Awam (PA).

Program merupakan usaha sama antara Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Institut Pengurusan dan Pentadbiran Awam, Malaysia (INTAN) dan Kolej Perkhidmatan Awam, Singapura (CSC).

Program yang disertai oleh lebih 30 peserta dari ketiga-tiga negara diadakan di Rizqun International

Hotel, Gadong di sini.

Hadir di program tersebut ialah Pemangku Pengarah IPA, Dayang Hajah Norezan binti Haji Hambali.

Dalam ucapan alu-aluannya beliau antara lain menggariskan tujuan utama program diadakan adalah untuk memberi peluang mengeksplorasi dan mendapatkan petunjuk penting serta bekerjasama dalam meningkatkan lagi bidang yang berkaitan.

Program tiga hari itu diharapkan dapat membantu para peserta menambah lebih pengetahuan dan menimba pengalaman seterusnya mengaplikasi apa yang telah didapati dari program tersebut.



PEMANGKU Pengarah IPA, Dayang Hajah Norezan binti Haji Hambali ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.

# 47 pelajar SR YSHHB dapat 5'A', PSR 2014



**PENGARAH** Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah (YSHHB), Awang Haji Brahim bin Haji Ismail menyampaikan plak penghargaan kepada salah seorang pelajar cemerlang.

Oleh : Hajah Sujimawati Mejari  
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 November. - Seramai 47 dari sejumlah 103 pelajar dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah (SR YSHHB) yang menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2014 telah berjaya mendapat 5'A' dalam peperiksaan tersebut.

Sehubungan dengan itu, para pelajar berkenaan malam ini diraikan pada



**PENGARAH** Urusan YSHHB, Awang Haji Brahim bergambar ramai bersama para pelajar SR YSHHB yang menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2014.

Majlis Mini Konvokesyen Tahun 6, Penyampaian Sijil dan Konsert SR YSHHB yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Brahim bin Haji Ismail.

Dalam ucapan alu-aluannya, Guru Besar SR YSHHB, Dayang Norbaini binti Haji Abdullah berkata kejayaan para pelajar amat membanggakan pihak sekolah berkat daripada sumbangan dan usaha gigih guru-guru yang sentiasa mengamalkan budaya kerja secara *team-work* dan kolektif yang dipandu oleh satu matlamat semata-mata demi kepentingan dan kejayaan sekolah bermula dari Tahun 1 hingga 6, di samping asas yang telah dipupuk sejak murid berada di Taman Asuhan Kanak-kanak YSHHB (TASKA).

Kejayaan tersebut tambahnya, merupakan bukti terhadap komitmen ibu bapa yang memberi kerjasama yang berterusan kepada pihak sekolah

dalam sama-sama menggembeng tenaga untuk mencapai hasrat yang serupa demi kejayaan anak mereka.

Beliau berharap pencapaian yang cemerlang dan usaha yang gigih ini akan dapat dikekalkan dan dijadikan sebagai salah satu budaya sekolah.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian sijil dan hadiah kepada

para pelajar dan diakhiri dengan persembahan pentas.

Juga hadir ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa Guru, para ibu bapa serta keluarga pelajar yang diraikan.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah ini yang mula beroperasi pada 17 Januari 2000,

mampu melahirkan individu yang positif serta berkeyakinan tinggi.

Setiap murid di sekolah ini telah diserapkan dengan nilai dan aspek pembelajaran sejak dari kecil yang mana setiap teknik dan kaedah penyampaian ilmu yang diajarkan adalah sebanding dengan pendidikan di peringkat kebangsaan.

## Motivasi penting bagi memacu prestasi

Berita dan Foto :  
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli



**ISTERI** Pegawai Daerah Belait, Dayang Hajah Suraya binti Haji Salleh, selaku Penasihat Kumpulan HAWA melancarkan program berkenaan.

**KUALA BELAIT**, Selasa, 25 November. - Motivasi berprestasi tidak dibawa sejak lahir tetapi suatu proses yang dipelajari, dilatih, ditingkatkan dan dikembangkan.

Ketua Kumpulan Pendorong Penyusuan Susu Ibu (HAWA), Dayang Hajah Masni binti Haji Munir menjelaskan, motivasi merupakan daya dorongan yang terdapat di dalam minda dan nurani insan yang menggerakkan insan untuk berbuat sesuatu tindakan.

"Penting juga kita mempunyai keluarga atau sahabat yang boleh memotivasikan kita demi memacu atau sebagai mentor untuk mencapai prestasi yang baik," ujar Dayang Hajah Masni pada Majlis Pelancaran Program 'Motivasi Penyusuan Susu Ibu' anjuran Kumpulan HAWA dan Hospital Suri Seri Begawan (SSB) di Pusat Pembelajaran dan Perkembangan Kesihatan, Hospital SSB, di sini.

Majlis pelancaran program sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-42 Perkhidmatan Hospital SSB disempurnakan oleh isteri Pegawai Daerah Belait, Dayang Hajah Suraya binti Haji Salleh yang juga selaku Penasihat Kumpulan HAWA.

Dayang Hajah Masni menyatakan, kumpulan HAWA menyedari bahawa usaha untuk menerapkan motivasi diri tidak akan dapat dilakukan dalam jangka waktu yang pendek atau dengan hanya satu bengkel motivasi.

Beliau menambah, HAWA telah merencana untuk mengadakan bengkel motivasi yang berterusan selama enam fasa bermula bulan Januari tahun depan yang mensasarkan kumpulan yang sama.

Beliau seterusnya menjelaskan di sepanjang enam fasa tersebut, para peserta akan berpeluang mengikuti bengkel motivasi dari sudut berlainan dan lebih mencabar dan mereka akan membawa pulang sijil penyertaan pada setiap bengkel motivasi yang mereka hadiri.

"Bengkel motivasi yang akan diadakan secara berterusan ini diharap agar dapat memperkukuhkan lagi kesedaran peserta mengenai kebaikan penyusuan susu ibu serta membuahkan semangat kecintaan yang kuat untuk mengutamakan kesihatan generasi mereka yang baru dan bakal lahir melalui penyusuan susu ibu," jelas beliau.

Seramai 60 peserta terdiri daripada Kumpulan HAWA, ibu-ibu mengandung lingkungan 28 minggu ke atas dan ibu-ibu yang baru melahirkan telah mendaftarkan diri untuk menyertai bengkel tersebut.

Dayang Hajah Masni menyatakan jumlah keramaian peserta dalam bengkel amat membanggakan dan boleh diguna pakai sebagai penyata kadar minat masyarakat dalam penyusuan susu ibu.

"Lebih membanggakan lagi, bengkel motivasi ini juga disertai oleh

beberapa orang kakitangan Hospital SSB dan Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak (MCH). Penyertaan mereka ini akan dapat membantu perbincangan dari segi bimbingan klinikal dan dasar penyusuan susu ibu," ungkapnya.

Para peserta dibahagikan secara berkumpulan dan diberikan 40 minit untuk berbincang dan mencadangkan cara terbaik untuk mengatasinya sebelum para peserta akan mengongsikan rumusan perbincangan mereka, intipati perkongsian akan dianalisa dan dikembangkan lagi oleh dua penceramah khas undangan, Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Ghapor dari perspektif motivasi dan keluarga dan Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu dari perspektif Islam.

Bengkel bertujuan membina kapasiti warga HAWA agar lebih giat serta fokus dalam melaksanakan tanggungjawab mereka secara berterusan mendidik dan mempromosikan penyusuan susu ibu.

Dayang Masni menyatakan, kejayaan mereka akan diukur daripada peningkatan kadar penyusuan susu ibu dan kesihatan kanak-kanak dan apabila pengambilan susu formula menurun.

Sebagai tanda penghargaan, enam orang ibu cemerlang terdiri daripada ibu-ibu yang telah berjaya menyusukan anak mereka secara eksklusif dari Mukim Kuala Belait, Mukim Seria dan Mukim Liang, dipilih sebagai 'role model' kerana mereka telah berjaya mengatasi apa jua kerumitan dalam kerjaya maupun rumahtangga dalam masa mereka menyusukan anak mereka.

Ibu-ibu berkenaan telah menerima plak penghargaan disampaikan oleh tetamu kehormat, Dayang Hajah Suraya yang juga menyampaikan jaket dan sijil pelantikan kepada ahli baru Kumpulan HAWA dan menyampaikan poster sumbangan Kumpulan HAWA kepada Ketua Bahagian Blok Perempuan dan Kanak-kanak HSSB, pelancaran buku biografi Kumpulan HAWA dan penyerahan kiosk HAWA daripada Pengerusi Bersama Majlis kepada Ketua Kumpulan HAWA seterusnya sesi bengkel motivasi diadakan bagi peserta-peserta program.

Matlamat program bagi membantu dalam peningkatan motivasi diri peserta tidak terkecuali warga HAWA mengenai kepentingan dan kebaikan penyusuan susu ibu.

## Pelajar SMYSHHB kongsi cerita bersama pesakit Wad 2



**PARA** jururawat Wad 2 Bahagian Pesakit Kanak-Kanak Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha tidak melepaskan peluang untuk bergambar bersama para pelajar Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah selepas mengadakan Persembahan Bacaan Dramatik.

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 November. - Seramai 15 pelajar dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah (SMYSHHB) mengadakan Persembahan Bacaan Dramatik di Wad 2 Bahagian Pesakit Kanak-Kanak Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Persembahan Buku bertajuk 'Room on the Broom' (A Dramatic Adaptation of Julia Donaldson's Children's Book) merupakan arahan Guru SMYSHHB, Ummi Aisyah binti Mohammad Salim itu disampaikan oleh para pelajar dari Tahun 7, 9 dan 10 sekolah berkenaan.

Persembahan itu merupakan sebahagian daripada kempen bahasa Inggeris sekolah tersebut bermula Jun 2014 hingga Jun 2015 dengan matlamat untuk memberikan kepada masyarakat melalui penghayatan bahasa Inggeris dan berkongsi cerita serta buku-buku melalui lakonan dan drama.

Buku ini sangat sesuai dengan semua peringkat umur yang dihasrat dapat mengongsikan dan mendedahkan nilai akhlak yang baik melalui lakonan khususnya kepada para pesakit di wad tersebut.

Melalui persembahan tersebut dapat mencerikan dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim bersama para pesakit di wad tersebut.

# Mangsa kebakaran terima bantuan MUIB

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 November.** - Sebagai usaha membantu mereka yang ditimpa musibah seperti kebakaran, bencana alam dan sebagainya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) sekali lagi memberikan bantuan berupa wang tunai bagi

meringankan bebanan yang ditanggung oleh mangsa-mangsa tersebut.

MUIB telah menyerahkan wang bantuan kepada mangsa-mangsa kebakaran di Daerah Brunei dan Muara baru-baru ini.

Para penerima melibatkan mangsa kebakaran sebuah bangunan 3 tingkat iaitu Kompleks Chempaka Blok B, KM 1, Jalan Tutong yang meranapkan

bahagian tingkat dua dan atas bangunan tersebut iaitu Unit 1B hingga Unit 6B yang berlaku pada 11 Oktober, 2014 jam 6.25 pagi yang didiami oleh 18 penghuni sewa terdiri daripada warga Indonesia, Bangladesh dan India beragama Islam seorang meninggal dunia.

Selain itu, MUIB juga menyerahkan bantuan kepada mangsa-mangsa kebakaran melibatkan 4 buah rumah



**PEGAWAI** Ugama Kanan, Kumpulan II, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Abd. Wahab bin Haji Sapar (kiri) menyerahkan wang bantuan kepada mangsa kebakaran di Daerah Brunei dan Muara.

kayu iaitu 3 buah yang ranap terbakar dan sebuah rumah yang sebahagiannya terbakar iaitu di Kampung Bakut Pengiran Siraja Muda 'B', Brunei yang berlaku pada tengah hari 30 Oktober 2014 yang didiami oleh sembilan kelamin terdiri daripada 37 ahli keluarga.

Penyerahan wang bantuan tersebut disampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan, Kumpulan II, Jabatan MUIB, Awang Haji Abd. Wahab bin Haji Sapar kepada 55 orang mangsa kebakaran tersebut berjumlah BND11,000 iaitu BND200 seorang. Di samping itu, kerajaan Kebawah

DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui MUIB juga menyerahkan bantuan berupa peralatan sekolah seperti beg dan buku-buku kepada tujuh anak mangsa kebakaran yang bersekolah iaitu lima bersekolah menengah dan dua bersekolah rendah yang juga disampaikan oleh tetamu khas majlis.

Bantuan tersebut bertujuan membantu mangsa-mangsa berkenaan untuk perbelanjaan mereka dan keperluan-keperluan asasi.

Turut hadir di majlis penyerahan tersebut ialah pegawai-pegawai MUIB.



**PARA** penerima bantuan MUIB yang terlibat dalam kebakaran di Daerah Brunei dan Muara.

# BIBD raikan wakil media tempatan

Oleh : Hajah Sujimawati Mejari  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**ANTARA** perwakilan media tempatan ketika mengikuti Pertandingan Menumpah Ambuyat.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 November.** - Lebih 100 wakil media tempatan menghadiri Malam Penghargaan Media anjuran Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) bertempat di Freshco Putera Function Hall.

Acara bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah diikuti dengan ucapan penghargaan daripada Pengarah Urusan BIBD, Javed Ahmad.

Salah satu permainan yang mendapat sambutan hangat ialah pertandingan menumpah ambuyat dan membuat cacah yang disertai oleh pasukan dari akhbar Pelita Brunei, Pelangi Fm, Kristal Fm dan Brunei Times.

Pelawak tempatan, Dang Kasum selaku hakim jemputan meneliti dan memastikan ambuyat tersebut tidak terlalu pekat mahupun cair.

Selain itu, para media yang hadir juga turut terhibur dengan permainan mengubah skrip dari cerita P. Ramlee

kepada versi Kedayan.

Para pemenang bagi setiap permainan menerima hadiah saguhati sumbangan pihak BIBD.

Malam penghargaan ini merupakan acara tahunan bagi mengeratkan silaturahmi di antara agensi media tempatan dan pihak bank tersebut.

BIBD sentiasa berusaha meningkatkan kualiti, mengukuhkan dan meningkatkan perkhidmatan kepada para pelanggan secara menyeluruh.

Bank tersebut yang ditubuhkan pada tahun 2005 kini mempunyai lebih 15 cawangan utama di seluruh negara termasuk cawangan 'E-Branch'.

## Lawatan dua buah kapal TLRV

**MUARA, Rabu, 19 November.** - Negara Brunei Darussalam khasnya Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan Republik Sosialis Vietnam dari Tentera Laut Rakyat Viet Nam (TLRV) terus meningkatkan kerjasama dua hala dalam bidang ketenteraan antara kedua-dua buah negara.

Sebahagian daripada inisiatif meningkatkan hubungan itu, dua buah kapal jenis 'Frigate' TLRV 'Dinh Tien Hoang' (Hq-001) dan 'Ly Thai To' (Hq-012) sedang merapat di Pelabuhan Muara, di sini.

Kedua-dua buah kapal Frigate itu berada di negara ini bagi lawatan dua hari yang diketuai oleh Timbalan Ketua Staf TLRV, Laksamana Muda Nguyen Van Kiem dan ditemani oleh Pegawai Pemerintah Kapal, Pemerintah Nguyen Dinh Giang dan Kapten Nguyen Van Ngan.

Mengalu-alukan ketibaan kedua-dua buah kapal tersebut ialah Leftenan Kolonel Laut, Khairil bin Haji Abdul Rahman.

Setelah majlis ketibaan, Timbalan Ketua Staf TLRV, Laksamana Muda Nguyen Van Kiem dan Pemerintah Kapal membuat kunjungan muhibah kepada Pemerintah TLDB, Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit di Ibu Pejabat TLDB.

Dalam kunjungan muhibah itu, Pemerintah TLDB menghargai lawatan kapal TLRV dengan memberi peluang membalas layanan yang diberikan kepada kapal KDB Darulehsan ketika membuat lawatan muhibah di Haipong, Viet Nam pada bulan April lalu.

Selain itu kedua-dua pihak juga bertukar cenderahati sebagai menandakan pertukaran lawatan itu dapat meningkatkan hubungan dua hala bagi menegakkan aspirasi seperti yang terkandung dalam Memorandum Persefahaman bagi kerjasama di antara kedua-dua tentera laut.



**ANTARA** perwakilan dari media-media tempatan yang hadir pada Malam Penghargaan Media anjuran Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

# Peletakan Batu Asas Surau, Ibu Pejabat Akademi Pertahanan

Oleh : Noorati Haji Abas  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**TANAH JAMBU**, Jumaat, 21 November. - Kementerian Pertahanan dalam visinya untuk menyediakan sebahagian konsep yang lengkap bagi memperkukuhkan lagi angkatan tentera yang efisien dan responsif terus berpegang kepada perlembagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Sehubungan itu, Majlis Peletakan Batu Asas Bagi Surau dan Ibu Pejabat Akademi Pertahanan Pakej 4 diadakan pagi tadi di tapak akademi berkenaan yang disempurnakan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu

Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah.

Projek pembinaan akademi tersebut dikendalikan di bawah Jackton Construction and Developing Co. Sendirian Berhad yang bernilai BND3,938,370.

Sementara pelaksanaan bagi pembinaan projek yang mengambil masa selama 13 bulan itu telah bermula pada bulan Julai 2014 yang lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Ogos tahun depan.

Surau yang menyediakan ruang

tempat solat tersebut mampu menampung sehingga 300 jemaah selain dilengkapi beberapa kemudahan yang lain seperti bilik VIP dan bilik kemudahan asas, manakala bangunan ibu pejabat pertahanan pula merangkumi ruang pejabat dan bilik persidangan.

Lokasi bagi pembinaan dua buah bangunan baharu tersebut terletak di atas tapak yang tinggi selaras dengan nilai dan falsafah MIB.

**PEMERINTAH** Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah ketika memulakan Majlis Peletakan Batu Asas Bagi Surau dan Ibu Pejabat Akademi Pertahanan Pakej 4 di tapak binaan.



# Perkhidmatan Perubatan TDDDB tingkatkan keupayaan pertahanan

Oleh : Mohammad Arif Matali  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



**PEMERINTAH** Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah (kanan) menerima anak kunci yang diserahkan oleh Pengarah Urusan Grand Motors Sdn. Bhd. Pengiran Haji Abdul Qahar bin Pengiran Sanggmara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit.



**PEMERINTAH** ABDB menerima anak kunci yang diserahkan oleh Pengurus Am, QAF Motor Group Sdn. Bhd., Awang Roger Fletcher.

**BERAKAS**, Jumaat, 21 November. - Perkhidmatan Perubatan, Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) menerima lapan buah kenderaan ambulans tentera yang baharu daripada dua buah syarikat pembekal kenderaan tempatan iaitu QAF Motor Sdn Bhd dan Grand Motors Sdn Bhd pada Majlis Penyerahan Rasmi yang berlangsung di Padang Kawad Batalion Pertama, Berakas Garison, di sini.

Dengan penerimaan kenderaan-kenderaan tersebut secara langsung bagi menangani cabaran respons kecemasan, di samping untuk terus mensejajarkan proses permodenan

peralatan ketenteraan yang akan dapat mempertingkatkan lagi responsif dan kecekapan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Hadir selaku tetamu kehormat dan menerima kenderaan-kenderaan tersebut ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah.

Menandatangani bagi pihak QAF Motor Group Sdn Bhd ialah Pengurus Amnya, Awang Roger Fletcher, manakala Grand Motors Sdn Bhd diwakili oleh Pengarah Urusan, Pengiran Haji Abdul Qahar bin

Pengiran Sanggmara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit.

QAF Motor Group Sdn Bhd membekalkan sebanyak empat buah Battle Field Ambulance, sementara Grand Motors Sdn Bhd membekalkan empat buah Domestic Ambulance.

Penggunaan Domestic Ambulance adalah untuk menggantikan ambulans lama yang ada pada masa ini, sementara Battlefield Ambulance adalah bagi penambahbaikan kepada keupayaan pertahanan ABDB dalam mendukung pasukan-pasukan tentera yang beroperasi di luar kawasan bandar.

## Peserta ETA, ELP terima sijil

**HONOLULU, HAWAII**, 20 November. - Majlis penutup bagi dua program Projek Pengayaan Bahasa Inggeris ASEAN di antara Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat telah diadakan di Dewan Waikiki Hotel Hale Koa di Honolulu, Hawaii.

Menurut Siaran Akhbar dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), 18 murid dari Program Perantisan Pengajar Bahasa English (ETA) dan 67 peserta dari 11 minggu Program Bahasa Inggeris (ELP) menerima sijil tamat kursus di majlis tersebut yang telah disampaikan oleh Dr. Salbrina Sharbawi dan Dr. Terry Bigalke, Projek Eksekutif dari Pusat Timur-Barat (EWC) dan UBD.

Dalam ucapan pembukaan Dr. Salbrina mengumumkan rancangan untuk membuat sebuah halaman 'LinkedIn', khusus untuk projek alumni.

Sejak penubuhannya pada tahun 2012, Projek Brunei dan Amerika Syarikat setakat ini telah menghasilkan lebih dari 300 alumni dari kepelbagaian program.

Melalui 'LinkedIn', rangkaian

sosial yang semakin popular di kalangan profesional diharapkan oleh para alumni dapat terus berhubung dengan projek dan satu sama lain untuk mengikuti perkembangan profesional dan masa depan kerjaya mereka.

Dr. Bigalke menekankan kerjasama erat antara UBD dan EWC dalam melaksanakan visi inovatif untuk memperkukuhkan integrasi ASEAN melalui pembinaan keupayaan bahasa Inggeris.

"Menyaksikan keterlibatan mendalam dan sekata interaksi di antara peserta dari seluruh rantau ini memberi saya keyakinan yang besar untuk masa depan ASEAN yang bersepadu," katanya.

Pada majlis tersebut, Negara Brunei Darussalam mempersembahkan tarian hula-hula di mana peserta kursus 11 minggu ELP menyampaikan 'media slideshow' dari aktiviti-aktiviti yang telah dijalani selama empat minggu di Hawaii.

Manakala Program Bahasa Inggeris 11 minggu baru saja menyelesaikan ansuran ketiga, Program Perantisan Pengajaran

Bahasa Inggeris adalah satu inisiatif baru Projek Pengayaan Bahasa Inggeris bagi ASEAN di antara Negara Brunei Darussalam - Amerika Syarikat dan 18 orang anak Brunei terdiri daripada kohort perantis pertama.

Objektif utama projek itu ialah untuk menggalakkan kesinambungan usaha Negara Brunei Darussalam - Amerika Syarikat, yang bertujuan untuk memperluaskan peluang kerja lulusan tempatan melalui peralatan dan peningkatan ciri-ciri kerja dan sikap.

Perantis akan melaksanakan tugas pengajaran mereka di Kemboja dan Laos pada akhir Disember 2014.

Mereka akan bertugas selama 10 bulan di sekolah-sekolah rendah di Phnom Penh dan Vientiane, mengajar bahasa Inggeris untuk murid Tahun 4.

Sebagai sebahagian daripada aktiviti-aktiviti kemasyarakatan mereka, perantis juga akan menganjurkan aktiviti bertemakan Bahasa Inggeris bersama masyarakat tempatan.

# SKBD 2014 tawarkan 773 pingat



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Mohd Hamid bin Haji Mohd Jaafar selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi SKBD 2014 ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam 2014 di Dewan Persidangan Stadium Negara Hassanal Bolkhiah.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 November. - Sebanyak 773 pingat menjadi rebutan pada Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) 2014 yang akan bermula pada 29 November hingga 6 Disember depan.

Pingat tersebut terdiri 226 pingat emas, 226 pingat perak dan 321 pingat gangsa.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Setiausaha Jawatankuasa Kerja SKBD 2014, Dayang Mariam binti Ulat pada Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi SKBD di Bilik Persidangan Stadium Negara Hassanal Bolkhiah, Berakas.

Jelasnya SKBD Ke-2 akan mempertandingkan sebanyak 23 acara sukan dengan melibatkan 'venue' pertandingan di Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan di luar daerah

seperti Daerah Tutong dan Daerah Belait.

Katanya, sehingga kini pihak Sekretariat SKBD telah menerima penyertaan sebanyak 14 buah kontinjen terdiri daripada kontinjen DBM, Daerah Belait, Daerah Tutong, Daerah Temburong, MS ABDB, MS Polis, Institusi Pengajian Tinggi, Gabungan Syarikat Minyak Brunei Shell, Gabungan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Persatuan Bank-Bank Brunei, Gabungan Sektor Telekomunikasi dan ICT.

Pada kali ini juga terangnya, SKBD juga akan disertai oleh kontinjen dari luar negara iaitu Majlis Sukan Sabah, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Labuan dan Negeri Sarawak namun hanya menyertai beberapa acara sukan.

Turut disentuh pada mesyuarat tersebut ialah majlis pembukaan rasmi dan penutupan rasmi yang akan diadakan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkhiah pada tarikh-tarikh yang telah dinyatakan.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi SKBD 2014.

Terdahulu Dato Paduka menjelaskan bahawa, SKBD pada asalnya dikenali sebagai Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) yang bertujuan bagi mencungkil atlet-atlet yang berpotensi untuk diserapkan kepada pasukan kebangsaan.

Katanya, SKBD bererti satu sukan yang strategik, di mana KKBS memberikan perhatian yang serius dalam menganjurkannya.

Dalam mengendalikannya SKBD ini,

beliau menyeru khususnya pihak urusetia dan Jabatan Belia dan Sukan supaya berhemah dan mengelakkan daripada sebarang pembaziran dengan mencapai matlamat yang diharapkan.

Turut dibincangkan ialah mendengar maklum balas dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

SKBD merupakan projek pembangunan sukan jangka panjang

dan berterusan JBS selain sebagai usahasama dan persefahaman dalam kalangan agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan sukan kebangsaan serta syarikat swasta dalam memajukan dan meningkatkan mutu sukan Negara, di samping untuk memberi galakan dan dorongan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini supaya bergiat aktif dalam aktiviti sukan.

## Kejohanan Tenpin Bowling cungkil bakat penuntut sekolah

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

**SERIA**, 25 November. - Seramai 16 buah sekolah-sekolah kerajaan dan swasta telah menyertai Kejohanan Tenpin Bowling Sekolah-Sekolah Menengah Kerajaan dan Swasta Negara Brunei Darussalam diadakan untuk memperkenalkan sukan Tenpin Bowling di kalangan penuntut-penuntut sekolah menengah.

Kejohanan yang dianjurkan oleh Sekolah Sukan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan itu juga sebagai satu usaha untuk mengenal pasti pemain yang berkebolehan dan seterusnya memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang berminat untuk mempelajari dan berlatih dengan lebih sistematik dan intensif dalam sukan Bowling di sekolah sukan nanti.

Projek ini diungkapkan sebagai satu projek pembangunan sukan jangka panjang dan berterusan supaya dapat membantu menyumbangkan pemain ke peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Selain itu, usaha ini juga dihasratkan untuk meningkatkan tahap disiplin pelajar serta mengembangkan daya saing yang sihat, di samping membentuk jasmani dan rohani yang sihat dan juga mantap.

"Kejohanan ini diadakan sebagai satu galakkan kepada penyertaan penuntut-penuntut memandangkan sukan ini mempunyai potensi sekalipun agak kurang dari segi pendedahan," jelas Pengarah Teknikal Kejohanan, Awang Ahmad Athery bin Haji Abd. Samad

Beliau juga berharap sokongan yang sepadu daripada ibu bapa penuntut terutama dalam memberi kebenaran kepada penyertaan anak-anak mereka dan juga sokongan pusat-pusat bowling juga amat menggalakkan memandangkan sambutan terhadap sukan bowling telah giat berkembang di kalangan penduduk Brunei.

Memandangkan kejohanan-kejohanan di dalam dan di luar negara seperti Sukan Borneo, SUKMA, Kejohanan Terbuka Singapura, Open Sport School, Asian School Bowling Championship, World Youth Bowling Championship telah menunjukkan bahawa ada keperluan penekanan bagi perkembangan sukan bowling ini di peringkat remaja.

Dengan matlamat tersebut penuntut-penuntut adalah wajar untuk diberi peluang bergiat dengan lebih mendalam dalam sukan itu menerusi kejohanan di peringkat sekolah menengah yang berusia di bawah 17 tahun.

Dalam kejohanan itu, Kategori Berpasukan telah dijuarai oleh Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Haji Abu Bakar Belait dengan jatuhan pin 1900, sementara naib juara telah disandang oleh Sekolah Menengah St. Margaret dengan jatuhan pin sebanyak 1801, manakala Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam yang berjaya menjatuhkan pin sebanyak 1717 menduduki tempat ketiga.

Bagi Kategori Perseorangan Lelaki telah dijuarai oleh Awang Muhd. Faiz Dzuairy bin Dzarfan dengan jatuhan pin 752, sementara Awang Abu Khaledi Yussri bin Abu Bakar - 660 tempat kedua dan tempat ketiga dimenangi oleh Awang Muhd. Al Amin bin Haji Abd. Hamid.

Sementara Kategori Perseorangan Perempuan dijuarai oleh Sekolah Menengah Perdana Wazir, Dayang Nur Amanina binti Jamil, tempat kedua milik Dayang Nur Afiqah binti Noor Zain dan tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Ummi Nurazilah Azzayary Pengiran Hassanal Ali Saifuddin.

Timbalan Pengarah Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Roslin bin Suhaili hadir selaku tetamu kehormat pada kejohanan yang diadakan di Grand Seria Bowling Centre, Belait.



**JUARA** Kategori Berpasukan Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Haji Abu Bakar Belait dengan jatuhan pin 1900 bersama tetamu kehormat Timbalan Pengarah Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Roslin bin Suhaili (kanan).

## Tanai dan jaga imej

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

**KUALA BEALIT**, Isnin, 24 November. - Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman mengingatkan semua peserta kontinjen Daerah Belait yang terlibat dalam Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) 2014 supaya menjaga imej daerah tersebut.

Pegawai Daerah Belait percaya semua pengurus, semua atlet dan semua yang terlibat akan sama-sama menjaga dan menamai imej Daerah Belait sebagai kontinjen yang melakukan yang terbaik dalam bersukan, yang mempunyai semangat kesukanan yang tinggi melebihi daerah-daerah lain.

"Dengan berpaksikan slogan Daerah Belait 'Belait Is The Best' dan untuk menjadi yang terbaik hendaklah menjaga imej, menjaga disiplin dan semangat kesukanan," ungkap Pegawai Daerah Belait, selaku Penasihat Kontinjen Daerah Belait bagi SKBD 2014 di Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Daerah Belait di Kompleks Sukan Mumong, di sini.

Awang Haji Haris menambah, penduduk Daerah Belait menaruh harapan tinggi kepada peserta-peserta kontinjen bagi memperoleh kejayaan. Oleh yang demikian, beliau menyeru sekali lagi kepada semua para peserta supaya menjaga imej, menjaga disiplin dan menzahirkan semangat kesukanan yang tinggi.

Kontinjen Daerah Belait akan menghantar 299 atlet lelaki dan wanita serta 65 petugas di SKBD 2014 yang akan diadakan di Bandar Seri Begawan pada 29 November hingga 6 Disember ini dengan menyertai 20 acara daripada 23 acara sukan yang dipertandingkan. Acara-acara yang disertai ialah



**AHLI** Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait, Yang Berhormat Awang Haji Mohd Yusof bin Haji Dulamin menyerahkan bendera kontinjen kepada Pemangku Penolong Pegawai Daerah Belait, Md Abdul Hadi bin Haji Sharifuddin, selaku Ketua Kontinjen Daerah Belait.

seperti badminton, bola jaring, bola keranjang, bola lesut, bola sepak, dart, futsal, golf, karatedo, lawan pedang, lumba basikal, lumba perahu, olahraga, pencak silat, petanque, sepak takraw, taekwando, tarik kalat, tenpin bowling dan wushu.

Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Daerah Belait telah disampaikan oleh tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait, Yang Berhormat Awang Haji Mohd Yusof bin Haji Dulamin kepada Pemangku Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Md Abdul Hadi bin Haji Sharifuddin, selaku Ketua Kontinjen yang seterusnya menyerahkan bendera kepada peserta pembawa bendera kontinjen, Awang Muhamad Hamizan bin Haji Sanif, atlet sukan karatedo.

Pada majlis itu, ketua kontinjen juga telah menerima sumbangan tajaan berupa pakaian seragam sukan dan minuman air mineral bagi peserta-peserta kontinjen Daerah Belait dan diikuti penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada 20 penaja terdiri daripada syarikat-syarikat swasta yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

SKBD diadakan dua tahun lalu yang dikenali sebagai Pesta Sukan Kebangsaan (PSK). Pada tahun 2012, Daerah Belait telah menduduki tempat kelima dengan memperolehi 68 pingat termasuk 18 emas, 22 perak dan 28 gangsa dari 15 kontinjen yang menyertai sukan tersebut.

SKBD bertujuan bagi meningkatkan usahasama dan persefahaman dalam kalangan agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan sukan kebangsaan dan syarikat swasta dalam memajukan dan meningkatkan mutu sukan negara serta memberi galakan dan dorongan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini supaya bergiat aktif dalam aktiviti sukan.

SKBD anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dikelolakan bersama persatuan-persatuan sukan kebangsaan, pada tahun ini disertai 14 kontinjen termasuk tiga kontinjen jemputan meliputi Majlis Sukan Negeri Sabah, Majlis Sukan Negeri Sarawak dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan Labuan.

# Belia Kampung Sungai Bunga juarai kategori utama perlumbaan

Berita dan Foto : Ihsan Media Permata

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 November. - Pasukan Belia Kampung Sungai Bunga menjuarai Kategori Lumba 30 Pekayuh Belia pada Kejohanan Lumba Perahu Tradisi Belia anjuran Jabatan Belia dan Sukan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi Cawangan Daerah Brunei dan Muara.

Kejohanan yang berlangsung di Sungai Brunei itu disertai sebanyak

enam pasukan sahaja dan turut dimeriahkan dengan perlumbaan jetski.

Antara kategori lumba perahu berkayuh yang dipertandingkan ialah Lumba 25 Pekayuh Jemputan, 20 Pekayuh Belia, 8 Pekayuh Belia, 10 Pekayuh Belia, 25 Pekayuh Belia, 20 Pekayuh Belia dan Lumba Jetski (1600cc).

Berangkat hadir selaku tetamu

kehormat pada acara tersebut dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang kategori ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Naib johan bagi Kategori Lumba Perahu Tradisi 30 Pekayuh Belia pula disandang oleh pasukan Majlis Lumba Perahu Kampung Lurong Dalam dan menduduki tempat ketiga ialah pasukan Waktu Brunei Darussalam.

Pasukan Waktu Brunei Darussalam banyak mendapat tempat pertama bagi kategori yang dipertaruhkan iaitu 25 Pekayuh Jemputan, 20 Pekayuh Belia, 8 Pekayuh Belia dan 10 Pekayuh Belia.

Hanya pasukan Lela Menchanai Brunei (Mukim Saba) yang berjaya beroleh tempat pertama bagi Kategori 25 Pekayuh Belia dan juara Perlumbaan Jetski Bagi 1600cc dimenangi oleh Haji Idzam Norhaidi bin Haji Mahsud, diikuti oleh Christopher Keasberry tempat kedua dan Abdul Aziz Hanafi Ismail tempat ketiga.

Kesemua juara, naib johan dan tempat ketiga bagi kategori tersebut mendapat hadiah berupa wang tunai, manakala bagi Kategori 30 Pekayuh Belia mendapat piala pusingan, pingat dan hadiah berupa wang tunai.

Menurut penganjur, tujuan acara ini diadakan adalah bagi mengenang masa



YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bergambar bersama pemenang pada kategori masing-masing (atas), manakala gambar bawah suasana perlawanan lumba perahu di Sungai Brunei.



silam penduduk Brunei yang terkenal dengan Kampung Ayer, di mana sebahagian daripada generasinya mewarisi kemahiran berkayuh.

Di samping itu, pertandingan ini diharap akan dapat merapatkan perpaduan belia bersama jawatankuasa dan pasukan jemputan.



YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz menyampaikan cek kepada Johan pada satu kategori pada Kejohanan Lumba Perahu Tradisi Belia tersebut.

## Kejohanan Sukan Asia Ke-4

# Kontinjen Sepak Takraw negara raih pingat emas

Oleh : Mohammad Arif Matali  
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi



PENGURUS pasukan negara, Awang Roslib bin Tarak, ketika ditemu bual oleh wakil dari PELITA BRUNEI.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 November. - Kontinjen Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam berjaya membawa pingat emas pada Kejohanan Sukan Asia Ke-4 di Phuket, Thailand.

Skuad negara yang menyertai acara Men's Beach Trio berjaya menumpaskan pasukan Korea sekalipun terpaksa bersaing sehingga ke set ke tiga bagi penentuan kejuaraan.

Kejayaan besar pasukan sepak negara itu sekali gus membuktikan pasukan negara mampu memberi persaingan yang jitu pada persaingan peringkat antarabangsa.

Ketibaan kontinjen negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar, serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Belia dan Sukan.

Setiausaha Tetap KKBS juga mengalungkan sesandang dan

memberikan ucapan tahniah kepada kontinjen negara.

Pengurus pasukan negara, Awang Roslib bin Tarak, ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI berkata, kontinjen negara telah diletakkan dalam kumpulan bersama-sama dengan negara China, India dan Korea.

"Dalam kesemua perlawanan tersebut, kontinjen negara telah berjaya menewaskan pasukan-pasukan dalam kumpulan dengan cemerlang sebelum menewaskan pasukan Myanmar di peringkat separuh akhir," jelasnya.

Walaupun mendapat saingan sengit daripada pasukan Myanmar, dengan semangat juang yang tinggi, skuad Sepak Takraw negara berjaya menjinakkan pasukan itu dengan kemenangan 3-2.

Sementara di peringkat akhir pula, pasukan negara bertemu dengan pasukan Korea dengan kejayaan 3-2 dengan perlawanan yang ditentukan dalam rubber set.

Kontinjen negara telah diketuai oleh



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar mengalungkan kepada salah seorang pemain Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam pada kejohanan tersebut.

Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd. Daud, selaku Chef de Mission kontinjen.

Pada temasya sukan yang bermula pada 14 hingga 23 November ini, kontinjen negara telah menyertai acara sukan Petanque dan SepakTakraw.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid ketika mengalu-alukan kontinjen negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

## Menerima mengadap Penaung Pengasas Pinnacle Club of ASEAN

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menerima mengadap Penaung Pengasas Pinnacle Club of ASEAN.

Berangkat sama di majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jeneral ABDB.

Ahli-ahli Penaung Pengasas Pinnacle Club itu adalah bekas Timbalan Presiden Indonesia, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Try Sutrisno; bekas Pemerintah Angkatan Tentera Malaysia, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Tan Sri Hashim Mohd. Ali; bekas Pemerintah Angkatan Bersenjata Singapura, Tuan Yang Terutama Lt. Jeneral (B) Winston Choo dan bekas Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud.

Kelab ini ditubuhkan bertujuan untuk mengekalkan hubungan sosial dan tali silaturrahim di antara pemerintah angkatan bersenjata, pemerintah tentera darat, laut, udara dan Ketua Polis Negara / Pesuruhjaya Polis yang telah bersara dari negara ASEAN.

Juga hadir di majlis mengadap tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng; Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Setiausaha Tetap di JPM, Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Majlis tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bersalaman dengan Penaung Pengasas Pinnacle Club of ASEAN. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jeneral ABDB.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee, Menteri Kanan di JPM dan Jeneral ABDB bergambar ramai bersama Penaung Pengasas Pinnacle Club of ASEAN.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengurniakan titah pada Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-21.

## Pecah amanah perlu segera ditangani

Dari muka 1

Kebawah DYMM juga mengalu-alukan usaha Jabatan Perkhidmatan Pengurusan yang sedang giat menjalankan pengauditan pengurusan, bukan sahaja bagi mengetahui kekuatan dan kelemahan pengurusan dalam perkhidmatan awam tetapi juga untuk memberikan taraf bintang kepada pengurusan yang memenuhi kriteria-kriteria pengiktirafan.

Skop pengauditan ini titah baginda, mencakupi Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR), Manual Pengurusan Kerja (MPK), rancangan strategik, program pembaharuan pembaikan serta pengurusan pelanggan.

Baginda di kesempatan ini juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Pekerja Cemerlang, termasuk Anugerah Pekerja Cemerlang Bahagian II, yang baru diperkenalkan pada tahun ini juga kepada pemenang-pemenang Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam dan seterusnya berharap supaya anugerah-anugerah ini akan memberikan motivasi dan inspirasi kepada semua warga perkhidmatan awam bagi memperolehi kecemerlangan dalam perkhidmatan mereka.

Sebelum mengakhiri titah, baginda juga merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan peribadi baginda kepada pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun ini di atas sumbangan dan jasa bakti mereka semasa berkhidmat dengan kerajaan dan berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala semoga pesara-pesara sentiasa di dalam sihat 'afiat dan akan terus mencurahkan bakti kepada ugama, bangsa dan negara.

## Program Perkhemahan Seni Belia Kebangsaan ditunda

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 November. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Bahagian Kebudayaan dan Kesenian memaklumkan bahawa Program Perkhemahan Seni Belia Kebangsaan yang sepatutnya diadakan pada 30 November hingga 5 Disember 2014 bertempat di Taman Peranginan Kampung Parit dengan ini ditunda ke tarikh dan tempat yang akan dimaklumkan kemudian.

Program itu akan ditunda ke tahun hadapan manakala tempat dan tarikh akan dimaklumkan.

Borang-borang penyertaan masih dibukakan dan akan berakhir hujung Februari 2015.

Sebarang keterangan/pertanyaan boleh menghubungi Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Tingkat 5, Bangunan KKBS di talian 2381903/ 2381905 & 2382911.

## 'URUS TADBIR DINAMIK KE ARAH KESEJAHTERAAN NEGARA'

دتریتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.